


[TELAH DISEMAK]

**Jilid II
Bil. 12**

**Selasa
4 Jun 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

USUL:

Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)

(Ruangan 17)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Adam bin Kadir, D.I.M.P. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Chareem Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Eng Hoi Choo (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, A.B.S. (Sarawak)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik - Wilayah Persekutuan Labuan)
- “ Tuan Itam Wali bin Nawan, P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Jangu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Kelsom binti Yaacob, A.M.P., P.J.K. (Pahang)

- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Puan Kian Sit Har, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin, A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Dr. Ng Yen Yen, P.J.K. (Pahang)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Tuan Rahim bin Baba, A.M.P. (Dilantik)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato' G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Yim Chee Chong (Negeri Sembilan)
- “ Dato' Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato' Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Sharmugam a/l R.M.S. Mutaya (Selangor)

**DEWAN NEGARA
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 4 Jun 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

RUSUHAN DI PUSAT SERENTI – TINDAKAN KERAJAAN

1. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab utama penghuni-penghuni pusat serenti merusuh dan melarikan diri dan apakah tindakan kementerian supaya perkara-perkara seperti ini tidak akan berulang lagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab utama penghuni pusat serenti merusuh dan melarikan diri adalah berpunca dari beberapa sebab utama:-

- (i) kesesakan di pusat-pusat serenti;
- (ii) sikap pelatih yang tidak bermotivasi untuk memulihkan diri sendiri;
- (iii) kekurangan kakitangan terutamanya tenaga profesional; dan
- (iv) terdapat kelemahan di pihak kakitangan pusat yang berkenaan.

Langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengelakkan kejadian-kejadian tersebut supaya tidak berulang adalah:

- (i) kerajaan telah meluluskan pembinaan 5 buah pusat serenti baru bertujuan untuk mengurangkan masalah kesesakan yang berlaku di pusat-pusat serenti pada masa ini;
- (ii) meningkatkan semangat dan motivasi pelatih-pelatih dengan menyediakan pelbagai program kemahiran dan vokasional di samping memberi bimbingan dan kaunseling secara lebih berstruktur;
- (iii) proses pengambilan kakitangan yang baru terutamanya dari kalangan tenaga profesional untuk mengatasi masalah kekurangan kakitangan sedang dijalankan oleh pihak kerajaan secara berperingkat-peringkat.
- (iv) Tindakan sewajarnya telah diambil untuk mengatasi masalah kelemahan di pihak kakitangan yang terbabit dengan memberi penjelasan berkaitan turn dan kaedah-kaedah pemulihan melalui lawatan kerja pegawai di samping menempatkan mereka semula ke fasiliti pemulihan yang lain.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ada banyak komen yang mengatakan adakah benar pelatih-pelatih dan pengurusan itu terlalu melakukan kekasaran kepada mereka ataupun layanan yang kurang memuaskan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sama ada seseorang kakitangan itu kasar sebenarnya ini adalah satu pandangan yang relatif. Kadangkala pihak pusat nampaknya ia kena ketat dan strict ataupun ia kena beri arahan seperti cara tentera tetapi pada pandangan pelatih itu adalah terlalu kasar. Jadi, soal kasar ini selalunya susah kita adakan satu sekatan. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri

telah pun memberikan nasihat supaya semua kakitangan pusat-pusat serenti perlu sentiasa peka kepada perasaan dan juga peka kepada apa-apa yang tidak puas hati tertekan di dalam hati pelatih-pelatih ini supaya mereka itu boleh diuruskan secara lebih berperikemanusiaan daripada terlalu ketat.

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terdapat penghuni-penghuni pusat ini yang telah dianggapkan sudah berubah dan kembali kepada masyarakat dan didapati bahawa mereka ini lebih daripada 80% kembali balik kepada mengambil dadah semula. apakah kementerian bercadang untuk mempertingkatkan apabila mereka kembali dalam masyarakat untuk mengadakan kaunseling yang dibayar dan digaji dengan betul supaya jawatankuasa kaunseling peringkat daerah dan sebagainya dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan kerana saya melihatkan ramai sesudah keluar masuk balik ataupun terlibat semula dalam penagihan dadah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji kelemahan-kelemahan yang wujud sejak pada masa sekarang terhadap terutamanya kegiatan-kegiatan kaunseling. Oleh sebab itulah Kementerian Dalam Negeri telah bercadang untuk mengambil lebih kaunselor-kaunselor yang layak dan satu pengambilan yang agak besar bilangannya sedang diadakan dan saya memang setuju kalau sekiranya kaunseling pada peringkat lain itu tidak berkesan, maka ini akan menjadi satu kelemahan dalam usaha kita untuk memulihkan pelatih-pelatih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum pada itu Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa minggu lepas saya katakan ada ura-ura hendak memperkenalkan satu standing order untuk membataskan soalan tambahan kepada dua sahaja tetapi nampaknya ura-ura itu tidak jadi. Jadi, boleh lebih daripada dua tetapi terpulang kepada pertimbangan Kerusi ya, dan juga kita mintalah seperti mana tempoh hari ada kerjasama daripada pihak pentadbiran supaya menjawab soalan dengan cara yang lebih precise kerana asas segalanya adalah untuk membolehkan sebanyak mungkin soalan-soalan dijawab daripada senarai yang ada pada kita. Ya, Puan Junaidah.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri adakah pendekatan secara 'rough and rugged' ini akan terus dilaksanakan di dalam pusat-pusat serenti dan adakah kementerian akan mengagihkan ataupun akan menempatkan pelatih-pelatih ini mengikuti kategori pelatih, hardcore yang sederhana, hardcore dan sebagainya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang itulah cadangan pada masa sekarang iaitu kita hendak kategorikan pelatih-pelatih kepada tiga kategori dan pendekatan pun akan berbeza sedikit dari segi apa pelatih itu bukan semestinya semua orang dikenakan pendekatan yang lebih dikatakan keras, sebenarnya bukan keras, lebih strict, dengan izin.

USAHAWAN DARIPADA LIMA KELUARGA – USAHA MEWUJUDKAN

2. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan usaha-usaha kementerian bagi mencapai matlamat mewujudkan satu usahawan daripada lima keluarga di seluruh negara menjelang tahun 2020.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan ditubuhkan pada bulan Mei tahun 1995 antara lainnya bertujuan untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan.

Dalam pada itu, saya ingin memaklumkan bahawa tanggungjawab untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan ini bukan terletak semata-mata kepada Kementerian Pembangunan Usahawan. Ada lagi agensi-agensi lain yang diberi tanggungjawab dan tugas yang sama, umpamanya Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Unit Perancangan Ekonomi melalui program penswastan Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Oleh hal yang demikian, program-program yang dianjurkan oleh kementerian merupakan sebahagian daripada keseluruhan program/aktiviti yang dilaksanakan oleh kerajaan. Program kementerian dilaksanakan melalui tiga cara. Pertama, program yang dilaksanakan oleh kementerian sendiri; yang keduanya oleh agensi-agensinya termasuklah MARA, UDA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan yang ketiganya untuk menyelaraskan program-program yang dilaksanakan oleh badan-badan dan juga agensi-agensi yang lain.

Di antara program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan termasuklah program latihan dan kemahiran dan latihan dalam bidang keusahawanan, program pembudayaan keusahawanan, program francais, vendor, program memberikan bantuan kewangan ataupun pembiayaan, program mentor dan program mendirikan premis-premis perniagaan. Inilah antara program-program utama yang kita lakukan dan ini semua adalah dengan kerjasama pihak-pihak lain. Kementerian-kementerian lain juga terlibat untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan di negara kita.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah, dalam usaha Kementerian Pembangunan Usahawan mewujudkan lebih ramai usahawan, adakah pihak kementerian mempunyai satu pelan tindakan yang terancang dengan secara teliti untuk dapat memastikan bahawa kemahiran keusahawanan dapat diwujudkan di kawasan-kawasan yang lebih menyeluruh di seluruh negara?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pelan tindakan itu memanglah ada di kem dan kita berpandukan rancangan kepada pelan tersebut.

Mengenai sama ada ia menyeluruh bagi seluruh negara, memanglah ada program-program yang tertumpu di Lembah Klang. Umpamanya kalau kita bercakap tentang program vendor, oleh kerana banyak kilang terdapat di sekitar Lembah Klang, maka program vendor sudah semestinya tertumpu di Lembah Klang.

Dalam pada itu, kita ada juga program, umpamanya untuk membangunkan premis perniagaan di bawah MARA dan UDA. Ini adalah menyeluruh di seluruh negara.

Satu lagi program yang melibatkan seluruh negara ialah program pembiayaan ataupun memberikan bantuan kepada usahawan. Ini juga melibatkan usahawan di seluruh negara Malaysia.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Kementerian Pembangunan Usahawan baru sahaja diwujudkan, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, apakah masalah, jika ada, untuk mencapai matlamat setakat ini?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Hendak kata tidak ada masalah itu, tidak betullah. Cabaran ada seperti biasa dan masalah sedikit-sedikit ada, tetapi saya ingin menyatakan secara umum antara masalah utama ialah ada di antara kita yang kurang bersedia.

Dalam pada itu, saya dimaklumkan bahawa minat untuk menjadi usahawan di kalangan orang-orang kita, bumiputera khususnya adalah tinggi dan ada di antara program-program yang kita laksanakan mendapat minat yang begitu banyak dan permohonan yang banyak sehinggakan kita terpaksa menolak. Jadi, ini seolah-olah ada dua perbezaan. Dari satu segi, minat tinggi dan ramai yang ingin menyertai program kami dan pada masa yang sama untuk mencari usahawan yang benar-benar berdaya maju dan mampu serta berminat ini kadang-kadang menimbulkan masalah. Dalam pada itu, kita tidak kecewa dan kita yakin bahawa program-program ini akan dapat melahirkan lebih ramai lagi usahawan.

**PENGIMPORAN BAHAN MAKANAN –
LANGKAH MENGURANGKAN**

3. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak kementerian untuk mengurangkan import bahan makanan yang telah menjejaskan imbalan defisit negara. Adakah kerajaan memberi insentif-insentif tertentu kepada syarikat-syarikat perladangan yang besar di negara ini untuk melabur dan menggunakan sebahagian dari tanah perladangan mereka untuk mengeluarkan bahan makanan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar Taib]: Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan bahawa peningkatan bil import makanan membimbangkan kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kebanyakan import bahan makanan adalah makanan yang tidak dapat dikeluarkan di Malaysia secara kompetitif. Ini termasuklah daging, hasil tenusu, bijirin dan bijirin yang disediakan, sayur-sayuran dan buah-buahan iklim sederhana.

Namun demikian, di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan import adalah:

- (i) menggalakkan syarikat-syarikat perladangan bagi memperkukuhkan sebahagian tanah mereka untuk pengeluaran makanan khususnya buah-buahan dan sayur-sayuran;
- (ii) menggalakkan petani-petani menggunakan kaedah moden seperti tanaman sayur di bawah rumah pelindung hujung dan kalis serangga yang boleh meningkatkan yang boleh meningkatkan produktiviti dan juga membolehkan petani menanam sayur-sayuran sepanjang tahun;
- (iii) menggalakkan kerajaan-kerajaan negeri supaya menyediakan 'agrotechnology park' bagi aktiviti pertanian di mana sektor swasta boleh menyewa tanah bagi tanaman makanan.

Kerajaan berpendapat, insentif dan kemudahan kewangan yang sedia ada adalah mencukupi bagi menggalakkan syarikat-syarikat perladangan menceburi dalam bidang pengeluaran makanan.

Sebagai contoh, dalam Belanjawan tahun 1996, sebagai galakan tambahan kepada syarikat-syarikat perladangan, kerajaan telah meluluskan supaya Elaun Pelaburan Semula diperluaskan untuk meliputi aktiviti pengeluaran bahan makanan penting seperti penanaman padi, jagung, buah-buahan, sayur-sayuran, penternakan haiwan dan hidupan liar.

Peruntukan di bawah Dana Tabung Untuk Makanan, dengan izin, Fund For Food juga telah digandakan dari RM300 juta kepada RM600 juta dan kriteria pemberian pinjaman juga telah dilonggarkan. Pinjaman minimum telah dikurangkan dari RM50,000 kepada RM10,000 dan faedah dikurangkan dari 7.5% kepada 4% untuk tempoh 8 tahun.

Oleh yang demikian, kerajaan berpendapat kemudahan insentif dan kewangan adalah mencukupi dan mempelawa syarikat-syarikat perladangan untuk memperuntukkan tanah bagi tanaman makanan dan membantu kerajaan dalam usaha meningkatkan pengeluaran makanan, membendung inflasi dan mengurangkan defisit dalam imbalan pembayaran atau balance of payment.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kenyataan saya dipersetujui atau tidak yang mengatakan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan hal pertanian ini tidak begitu menumpukan perhatian yang sepenuhnya untuk menggalakkan petani-petani melibatkan usaha untuk membolehkan industri perladangan ini ditingkatkan?

Dato' Abu Bakar Taib: Tuan Yang di-Pertua, memanglah pihak kementerian sedar dan kita telah mengadakan perbincangan dengan pihak yang terlibat dengan sektor perladangan untuk memberikan perhatian yang lebih lagi kepada pengeluaran makanan. Malahan kita hendak berbincang dengan mereka dan kita hendakkan mereka terus succeed walaupun mereka adalah penanam kelapa sawit, kalau boleh sebahagian dari tanah itu digunakan untuk tanaman makanan dan hasil daripada kelapa sawit itu di'cross subsidy untuk pengeluaran makanan. Itulah yang kita buat sekarang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah pandangan dan sikap kementerian terhadap isu semasa berkenaan dengan kenaikan harga tepung dan kekurangan bekalan tepung sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua: Tepung, tepung.

Dato' Abu Bakar Taib: Tepung ini di bawah kementerian lain. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang dimaksudkan tepung itu ialah tepung gandum.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kita berbincang soal makanan. Jadi, tepung itu ialah makanan yang penting bagi rakyat.

Dato' Abu Bakar Taib: Walaupun tepung itu ada major products, tetapi kita mengimport bahan-bahan wheat ataupun biji gandum. Kita bawa masuk gandum dan saya ingat ia di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya, kalau sekiranya tepung itu menjadi isu, tidak adakah jalan lain yang mana Kementerian Pertanian boleh buat substitute – jalan keluar supaya kita tidak gunakan tepung dan kita boleh gunakan bahan lain yang sama dengan tepung. Itu maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi saya rasa kita anggap apa Yang Berhormat kata itu sebagai satu cadangan. Boleh diterima?

Dato' Abu Bakar Taib: Boleh ditimbang.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

RUMAH DI KAWASAN BUKIT – KELULUSAN PEMBINAAN

4. **Dato' Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada rumah-rumah kos sederhana dan mahal boleh dibina di atas kawasan bukit yang tinggi sedikit di Lembah Klang dan jika tidak nyatakan alasan-alasannya supaya pihak pemaju berpuas hati di atas penolakan permohonan mereka oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengeluarkan lesen pemaju perumahan kepada pemaju yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan mengikut Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996.

Di antara syaratnya, pemaju hendaklah telah perolehi kelulusan dari pihak berkuasa tempatan bagi membangunkan projek di kawasan yang dimaksudkan. Sekiranya ini adalah kawasan bukit, pemaju hendaklah mendapat perakuan geoteknikal bahawa pembangunan perumahan boleh dibuat di kawasan itu.

Sekiranya tidak ada kelulusan pembangunan daripada pihak berkuasa tempatan dan perakuan geoteknikal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menolak permohonan untuk mendapatkan lesen pemaju perumahan. Tuan Yang di-Pertua, semua pemaju perumahan sedia maklum mengenai perkara ini.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah justifikasi kementerian meluluskan pembinaan rumah-rumah di kawasan bukit yang tinggi walaupun tadi disebut telah mendapat perakuan geoteknikal, kerana kalau

kita lihat di negara kita ini masih banyak tanah lapang dan juga memandangkan banyaknya hakisan kepada alam sekitar?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab kenapa bukit-bukit terutama sekali di kawasan Kuala Lumpur, Johor, di Selangor dan juga Pulau Pinang dimajukan adalah kerana adanya keinginan daripada orang-orang yang berpendapatan tinggi untuk tinggal di kawasan-kawasan yang berbukit. Dan sebagaimana yang saya maklumkan tadi, kelulusan ini sebenarnya bukan dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi dibuat oleh pihak berkuasa tempatan dan juga kerajaan negeri. Itulah sebabnya kita menyarankan supaya pihak berkuasa tempatan dan juga kerajaan negeri berhati-hati di dalam meluluskan projek pembangunan di kawasan yang berbukit.

UDA – KE ARAH PENGKORPORATAN

5. **Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:-

- (a) Keperluan untuk mengkorporatkan UDA dan adakah beliau puas hati dengan perjalanan UDA sekarang; dan
- (b) Berapa peratuskah rumah kedai di bandar utama di Malaysia yang dimiliki oleh kaum bumiputera yang dibina oleh UDA sekarang seperti di Bandaraya Ipoh, Johor, Pulau Pinang, Kuching dan Bandar Kuantan.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sekarang ini UDA masih lagi sebuah badan berkanun. rang undang-undang (bil) untuk mengkorporatkan UDA telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat. Insha-Allah akan diluluskan oleh Dewan Negara.

Kerajaan mengambil keputusan untuk mengkorporatkan UDA antara lain untuk membolehkan ia berfungsi dengan lebih bebas lagi dan untuk membolehkan ia lebih agresif dalam menjalankan tanggungjawab dalam membina premis perniagaan khususnya bagi bumiputera.

Kepada soalan sama ada kita berpuas hati dengan perjalanan UDA, ya, kerajaan berpuas hati, bukan sahaja dilihat dari segi keuntungan yang dicapai oleh UDA tetapi juga prestasinya untuk membina kawasan-kawasan perumahan baru dan juga premis-premis perniagaan.

- (b) Peratusan yang dimiliki oleh bumiputera di kawasan-kawasan yang dibina oleh UDA, di Ipoh, Johor Bahru, Pulau Pinang dan sebagainya; kalau kita berpandukan kepada unit yang dibina oleh UDA di Johor Bahru, 80.4% adalah dibeli ataupun disewakan kepada bumiputera. Di Kuantan 100%. Di Kuala Lumpur 74.4%. di Seremban, 40%. Di Petaling Jaya 100% dan di Alor Setar 91.6%, Kuala Kangsar 62.2%. Inilah antara peratusan-peratusan pencapaian bumiputera dalam premis-premis perniagaan yang dibina oleh pihak UDA.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pada pendapat kementerian dengan mengkorporatkan UDA ini daripada perbadanan akan dapat menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan lagi dalam usaha-usaha hendak membangunkan tanah-tanah rizab orang Melayu ataupun tanah wakaf dan juga rumah-rumah kedai dan peluang menggalakkan bumiputera berniaga?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Ya, tanah rizab dan tanah wakaf, sehingga kini UDA tidak banyak membangunkan tanah-tanah sedemikian. Kalau kita lihat kepada tanah yang dibangunkan oleh UDA sebelum ini, kebanyakannya merupakan tanah milik swasta yang diambil alih atau dibeli oleh UDA, umpamanya di Kuala Lumpur seperti di kawasan Petaling Street, di Bandar Baru Tampoi, di Lembah Bertam di Pulau Pinang. Kesemuanya ini merupakan tanah-tanah milik swasta atau persendirian. Saya ingin menyatakan bahawa dalam konteks dan peranan yang diberikan kepada UDA, kita berpuas hati dan kita yakin bahawa UDA akan terus dapat memainkan peranannya untuk membantu bumiputera dan UDA terbuka kepada cadangan-cadangan pemilik tanah rizab Melayu dan juga tanah wakaf untuk membangunkan kawasan-kawasan ini bagi pihak mereka ataupun secara usaha sama. Cumanya mungkin ada beberapa sekatan tertentu yang perlu dirundingkan sebelum ianya dapat dilaksanakan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak berapa faham dari segi ukuran kejayaan satu-satu organisasi. Berkenaan dengan UDA ini, soalan saya ialah, memandangkan atas fahaman yang diberi kepada kita, pemilikan bumiputera terhadap kawasan-kawasan komersil, bangunan-bangunan komersil, ruang niaga dan sebagainya di Kuala Lumpur hanya mencapai tahap 5% sahaja; bagaimanakah UDA dikatakan berjaya untuk dengan izin restructuring, dari segi ruang-ruang niaga, rumah-rumah di kawasan-kawasan bandar ini supaya ianya dapat mencerminkan komposisi yang sepatutnya? Iaitu kalau dikatakan 30%, 30% sahajalah dan apakah ini Itu sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Agak terasa panjang sangat soalan itu, kena berhenti sekejap.

Dato' Mustapa bin Mohamed: UDA merupakan satu agensi kerajaan dan kalau dilihat kepada peranan UDA, ianya samalah dengan mungkin satu pemaju perumahan swasta. Saya hendak beri gambaran dalam konteks sebenarnya. Bermakna kalau di dalam Kuala Lumpur ini ada 30 atau 40 pemaju hartanah swasta, maka UDA adalah salah satu sahaja. Jadi, pencapaian UDA harus dilihat dalam konteks itu. Harapan kita tinggi tetapi UDA mempunyai beberapa masalah termasuklah masalah kewangan. UDA tidak bergantung kepada kerajaan. UDA merupakan sebuah badan berkanun yang menjalankan tanggungjawabnya yang dulunya bergantung kepada pinjaman kerajaan. Sudah beberapa tahun kerajaan tidak lagi memberi pinjaman kepada UDA. UDA semata-mata membangunkan kawasan di Kuala Lumpur dan lain-lainnya bergantung kepada internally generated fund, dengan izin, ataupun dana dalaman yang ada padanya. Jadi, dalam konteks itu UDA cuma merupakan satu atau sebahagian kecil daripada bilangan pemaju hartanah di negara kita. Kita berpendapat UDA telah berjaya. Kalau tidak ada UDA maka 5% yang Yang Berhormat kata tadi pun tidak akan dapat dicapai. Dengan adanya UDA, sekurang-kurangnya keadaan dapat diperbaiki sedikit.

PELAJAR LUAR BANDAR – LANGKAH JAGA KEPENTINGAN

6. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian menyediakan langkah-langkah yang drastik dan bijaksana bagi menjaga kepentingan pelajar-pelajar di luar bandar supaya dapat meneruskan pelajaran mereka untuk memasuki universiti atau institusi pelajaran tinggi di negara ini setelah diswastakan kelak. Berkemungkinan pelajar-pelajar dari luar bandar akan berkurangan memasuki menara gading tersebut kerana yuran dan lain kos keperluannya begitu tinggi dan meningkat.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menjaga dan memajukan kepentingan pelajar-pelajar di luar bandar supaya dapat meneruskan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan belum bercadang menswastakan institusi pengajian tinggi awam di negara ini. Tetapi sebaliknya

mengkorporatkan atau menyusun semula pengurusannya sahaja. Setelah dikorporatkan, kerajaan tidak akan melepaskan tanggungjawab sosialnya untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan berpeluang melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi.

Untuk tujuan tersebut, Kementerian Pendidikan sedang berusaha mewujudkan Tabung Pinjaman Pendidikan Tinggi. Di samping itu, biasiswa dan pinjaman yang sedia ada seperti yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, MARA dan agensi-agensy yang lain akan diteruskan.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Kementerian Pendidikan dapat menerangkan bilangan institusi pengajian tinggi yang akan dibina oleh kerajaan untuk menandingi IPT-IPT swasta yang akan terwujud di negara kita ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini selain daripada usaha-usaha hendak mendirikan, memperlengkapkan dan menyempurnakan dua universiti satu di Sabah dan satu lagi di Sarawak. Kerajaan tidak ada cadangan untuk berbuat demikian, kecuali untuk menokok-tambah kemudahan-kemudahan di universiti-universiti yang sedia ada.

Selain daripada itu, sebagaimana kita dimaklumkan kerajaan sudah pun meluluskan satu rang undang-undang untuk mengawasi perjalanan institusi-institusi pengajian tinggi swasta dan kita harap dengan adanya undang-undang itu, urusan pengajian tinggi di negara kita ini akan dapat dikendalikan dengan sebaik mungkin.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah mendengar tadi penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai tabung pelajaran. Memang di luar bandar bagi mereka yang kurang berkemampuan tetapi mempunyai anak yang pintar, masalah pembiayaan anak-anak ke menara gading ini amat kritikal. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk menubuhkan tabung pelajaran ini dan bilakah jangka masanya tabung pelajaran ini dapat kita saksikan kewujudannya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, urusan untuk menubuhkan tabung ini sekarang sampai ke peringkat akhir, di mana kita akan kemukakan kepada Kabinet untuk diluluskan dan selepas itu ianya akan kita laksanakan secepat mungkin.

ILP – CADANGAN MEMPERKENALKAN DUA SESI PENGAJIAN

7. **Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilakah ILP memperkenalkan dua sesi pengajian dan berapa tenaga mahir dapat dikeluarkan apabila sesi ini dijalankan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, sistem latihan dua shift telah pun mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di beberapa buah ILP sejak pertengahan tahun 1995 dan akan dikembangkan ke semua ILP di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ini, apabila semua infrastruktur latihan khususnya bilangan tenaga pengajar ditambah. Setakat ini kerajaan telah pun meluluskan tambahan sebanyak 179 jawatan dan dari jumlah tersebut, sebanyak 50 jawatan telah pun diisi. Adalah dijangkakan bahawa apabila program dua shift ini beroperasi sepenuhnya bilangan tenaga mahir yang akan dapat dikeluarkan dari 9 buah ILP di seluruh negara yang ada sekarang akan meningkat dari kira-kira 6,000 kepada 9,000 orang pelajar setahun.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum bahawa sektor perindustrian negara kita banyak bergantung kepada pekerja-pekerja asing. Jadi, demi untuk kebaikan bersama misalnya di sektor industri keseluruhannya, adakah ILP ini juga akan melatih pekerja-pekerja asing untuk menjadi pekerja-pekerja mahir?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan tidak bercadang untuk melatih pekerja asing. Ini ditumpukan khusus pada sekarang atau masa hadapan kepada pekerja tempatan.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa hari yang lepas, pernah dipertanyakan di negeri manakah sehingga hari ini mempunyai ILP, tetapi pihak kementerian tidak dapat menjawab. Jadi, pada hari ini saya harap kalau boleh pihak kementerian memberitahu negeri-negeri manakah yang mempunyai ILP daripada 9 buah itu?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya sudah jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jawab itu. Tetapi saya ingat

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan.....

Tuan Yang di-Pertua: Hendak jawab lagi boleh. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Di Kuala Lumpur, Prai, Pasir Gudang, Kuala Terengganu, Labuan, Kuantan, Kota Bharu, Melaka, Alor Setar dan Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Hari itu negeri sahaja, sekarang ini bandar sekali.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sekarang ini lagi tepat. *[Ketawa]*

BOMBA SUKARELA/MINI BOMBA – CADANGAN PENUBUHAN

8. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah rancangan untuk melaksanakan penubuhan bomba sukarela atau mini bomba di tanah-tanah rancangan FELDA akan dilancarkan, memandangkan kemudahan bomba di bandar-bandar berhampiran amat jauh.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, program penubuhan Pasukan Bomba Sukarela telah dilancarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia lebih satu dekad yang lalu, iaitu sejak tahun 1985.

Program ini termasuklah penubuhan Pasukan Bomba Sukarela di tanah-tanah rancangan FELDA. Sehingga ke hari ini terdapat sebanyak 31 Pasukan Bomba Sukarela di dalam kawasan rancangan-rancangan tanah FELDA yang bergerak aktif, dan juga di kawasan-kawasan pembangunan wilayah lain seperti KEJORA, DARA, KESEDAR dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Lengkap soalan, tidak ada tambahan ya!

FORMULA PENCEN – CADANGAN MENGENKAJI SEMULA

9. **Tuan N. Marimuthu** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bersedia mengkaji formula pencen bagi kakitangan kerajaan yang bersara memandangkan formula pencen ini tidak dikaji semula hampir 25 tahun. Berikan sebab-sebabnya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang membuat kajian ke atas formula pencen bagi kakitangan kerana skim pencen yang ada sekarang didapati memadai dan memberi manfaat kepada pesara-pesara serta keluarga tanggungan mereka.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, setakat ini adakah pihak kerajaan sedar bahawa masa yang diambil untuk memproses pencen seseorang pegawai itu terlalu lama menyebabkan timbulnya

masalah dan kesulitan bagi keluarga itu. Jadi, apakah tindakan yang diambil bagi menyelesaikan perkara ini?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar perkara ini berlaku dan sebenarnya memang sudah ada arahan supaya pembayaran ini dibuat dengan lebih cepat sebelum menunggu semua documents, dengan izin, dikumpulkan. Arahan sudah ada, tinggal lagi pelaksanaannya kemungkinan terlewat sedikit.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan dengan kualiti hidup yang sekarang ini kita nikmati, jadi dari segi umur purata penduduk-penduduk di Malaysia ini meningkat, saya ingat sekarang ini sehingga 70 tahun, kalau saya tidak silap

Tuan Yang di-Pertua: 72!

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: 70.

Tuan Yang di-Pertua: 72.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: 72.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Jadi, adakah pihak kerajaan bercadang memandangkan sekarang ini pencen sudah meningkat dari masa ke semasa untuk hendak melupuskan pembayaran pencen dan diganti pula dengan cara pembayaran yang berlainan, seperti dengan izin, Provident Fund (EPF) yang bercorak berbeza sedikit ataupun cara yang lain dan tidak hanya berkonsepkan kepada pencen, maknanya pencen ini zaman kolonial lagi kita sudah ada. Jadi, kalau boleh diadakan style atau formula baru?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan sedar bahawa jumlah yang dibayar melalui pencen ini terlalu banyak (dari segi perbelanjaan kerajaan, oleh kerana itu program pengswastan adalah antara satu darinya yang bertujuan mengurangkan jumlah kakitangan kerajaan dan dalam jangka panjang akan mengurangkan bebanan pencen.

Setakat ini dari segi cara dan kaedah yang baru, seperti yang dibayangkan oleh Yang Berhormat tadi masih dalam pertimbangan tetapi belum ada satu formula baru yang ditemui.

.MAKSIAT – TINDAKAN EFEKTIF KERAJAAN

10. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Menteri Penerangan menyatakan adakah pihak kementerian bersama dengan Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri benar-benar terasa bertanggungjawab untuk membuat sesuatu tindakan yang lebih efektif supaya rakyat Malaysia yang beragama Islam tidak terjebak lebih luas dalam maksiat yang akan menerima hukuman berat daripada Allah S.W.T. Sila nyatakan perancangan yang akan diperhebatkan.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan amat menyedari kepada persoalan yang ditimbulkan dan sentiasa bekerjasama dengan Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri bagi menangani masalah tersebut.

Ekoran daripada masalah tersebut juga kementerian ini telah menyusun beberapa program agama di televisyen dan di radio serta mengadakan ceramah, forum, kursus, khemah ibadah, seminar dan pelbagai program agama yang melibatkan setiap lapisan masyarakat.

Sesungguhnya telah banyak program, aktiviti dan usaha yang dijalankan oleh kementerian ini dan Pusat Islam yang bertujuan menghindarkan masyarakat daripada terjebak dalam kancah maksiat seperti yang dibangkitkan itu. Walau bagaimanapun, kementerian merasakan bahawa usaha menyelamatkan masyarakat daripada terlibat

dalam kancan maksiat tidak seharusnya diletakkan di bawah tanggungjawab kementerian dan Pusat Islam semata-mata. Malah semua pihak termasuk agensi, persatuan, pertubuhan dan individu di kalangan umat beragama Islam haruslah digerakkan dan memainkan peranan masing-masing kerana tanggungjawab menyelamatkan masyarakat adalah tanggungjawab bersama.

Sungguhpun begitu, sikap masyarakat tidak dapat diubah oleh sesiapa pun, selain daripada masyarakat itu sendiri menyedari bahayanya masalah tersebut seperti Firman Allah S.W.T. yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib dan sikap sesuatu kaum sehingga kaum itu sendiri berusaha untuk mengubah nasib dan sikap sendiri".

Sementara itu, usaha yang dilakukan oleh kementerian tidak akan berkesan sekiranya tidak mendapat hidayah daripada Allah S.W.T. Oleh itu, usaha kita belum mencukupi tanpa disertai dengan doa dan harapan yang boleh dilakukan oleh semua pihak sebagaimana Firman Allah S.W.T. yang bermaksud, "Sesungguhnya engkau (Muhammad) tidak dapat memberikan petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi tetapi Allah yang akan memberikan petunjuk kepada sesiapa yang Ia kehendaki".

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tadi jawapan daripada Bahagian Agama, rupanya daripada Jabatan Penerangan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Adakah kementerian bercadang untuk mengurangkan tayangan filem-filem yang didatangkan dari Barat yang banyak menjolok mata dan ghairah, yang menjadikan terikut kepada belia-belia iaitu pembentukan generasi kita yang akan datang dan sekarang ini? Adakah kementerian bercadang untuk mengurangkan tayangan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Yang menjolok mata.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memanglah hasrat Kementerian Penerangan mengarah kepada menyangkan 30% filem import dan 70% filem dalam negeri. Proses ini akan bergantung kepada kemampuan 'production house' yang ada dalam negeri.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian penerangan semenjak ia diwujudkan, semenjak ianya menyiarkan siaran-siaran dalam televisyen mengadakan kajian implikasi siri filem-filem atau program-program yang ditayangkan melalui televisyen dan implikasinya kepada akidah dan juga nilai-nilai moral masyarakat keseluruhannya.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, masalah itu merupakan tanggungjawab asas kepada Kementerian Penerangan sebab selain daripada tanggungjawab kementerian itu sendiri, kita juga mempunyai unit kajian terhadap program yang akan disiarkan di televisyen atau program-program radio.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Maidom P.Pansai.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Soalan No.

11.

KAD PENGENALAN PALSU – JUMLAH DIKESAN

11. **Puan Kamilia binti Ibrahim [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah kad pengenalan palsu yang telah dapat dikesan menerusi proses penggantian kad pengenalan lama dengan yang baru. Nyatakan angka-angkanya menurut negeri di seluruh negara.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sejak urusan penukaran kad pengenalan lama berbentuk plastik kepada kad pengenalan bermutu tinggi (KPT) sebanyak 960 keping kad pengenalan plastik palsu telah dikesan oleh Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara semasa proses penukaran dibuat. Daripada bilangan tersebut mengikut negeri adalah:

Selangor	-	862
Johor	-	49
Sabah	-	10
Terengganu	-	8
Pahang	-	8
Melaka	-	6
Perak	-	6
Pulau Pinang	-	4
Kedah	-	3
Jumlah	-	956

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada kementerian berapa ramaikah jangkakan kementerian terhadap rakyat Malaysia yang belum membarui kad pengenalan, sedangkan tarikh tutup pembaharuan adalah berakhir pada 31 Disember tahun ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, terdapat kira-kira 2 juta rakyat Malaysia yang memegang kad pengenalan plastik itu belum memohon untuk menukar kepada kad pengenalan baru.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kita sering mendengar bahawa soal kad pengenalan ini menimbulkan banyak masalah kepada rakyat terutama sekali yang belum membuat kad pengenalan. Adakah masa yang diambil terlalu lama untuk menyiapkan kad pengenalan itu menyebabkan orang tidak ghairah hendak buat kad pengenalan dan kad-kad pengenalan yang tidak dituntut itu, benarkah dimusnah begitu sahaja, apa langkah kementerian bagi mengatasi masalah ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada suatu ketika, mungkin dua, tiga tahun lalu memang ya ramai orang tak ghairah datang tukar, kerana masa itu sulit, kena tunjukkan dokumen sokongan, kad yang lama itu diambil balik sehingga seseorang itu susah sangat hendak uruskan urusan dengan bank-bank dan sebagainya. Tetapi dalam satu, dua tahun ini semua prosedur itu telah pun dipermudahkan di mana tidak perlu lagi dokumen-dokumen sokongan, kecuali kad pengenalan lama yang tulen dan kad pengenalan lama itu pun tidak diambil balik, untuk sementara disimpan oleh pemegang itu. Maka tempoh tunggu terlalu lama tidak menjadi masalah lagi.

Jadi, nampaknya terutamanya dalam tahun lepas dan baru-baru ini orang tak takut lagi hendak datang. Cuma ada sebilangan orang terutamanya di luar bandar dia masih ambil masa ingat lama lagi tak mengapa, tak mahu keluar. Inilah yang jadi masalah. Kerajaan sedang berkempen harap mereka keluar.

Di samping itu, kad-kad pengenalan yang tidak dikuti itu, kebanyakan masalahnya adalah notis sudah dihantar tetapi tidak boleh sampai kepada alamat yang mereka beri itu. Jadi, inilah satu masalah kita perlukan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat membantu kita untuk menggalakkan mereka itu untuk pergi ambil.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rasionalnya kad-kad pengenalan yang tidak dituntut itu dimusnahkan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kad-kad pengenalan yang tidak dituntut itu sampai masa kini masih belum dimusnahkan, walaupun amaran sudah diberikan. Oleh kerana di bawah akta ataupun peraturan pendaftaran negara, sesuatu kad yang siap kita beri notis. Selepas beri notis, dalam 18 bulan sekiranya orang itu tidak berminat ataupun tidak mahu datang untuk mengutip, maka Pendaftaran

Negara boleh musnahkan, kemudian orang itu kena pohon semula. Tak boleh kita simpan kad pengenalan lama-lama, orang tak mahu tuntutan walaupun notis sudah diberi.

KAJIAN PERUBAHAN MUSIM HUJAN/MONSUN – TINDAKAN

12. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjelaskan apakah langkah-langkah telah diambil untuk menyelidik tentang perubahan keadaan musim hujan dan monsun di negara ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ialah:

- (i) mengumpul dan menyediakan pangkalan data (database) mengenai hujan monsun sejak 45 tahun yang lalu;
- (ii) mengemaskini (update) dengan izin, pangkalan data hujan monsun setiap tahun;
- (iii) berkongsi data hujan monsun dengan negara-negara jiran;
- (iv) melibatkan secara aktif dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dalam penyelidikan perubahan cuaca;
- (v) menaikkan taraf (upgrade) peralatan kajicuaca untuk pengumpulan data dan penganalisan; dan
- (vi) melatih dan mendedahkan kakitangan dalam bidang penyelidikan 'climatology'.

Di antara hasil penyelidikan yang diperolehi menunjukkan bahawa rekod hujan selama 45 tahun telah menunjukkan bahawa musim hujan (monsoonal rain) berubah dari tahun ke setahun, year to year variation, dengan izin, dan tidak mempunyai trend yang nyata. Sekian.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahulah sama ada perubahan musim ini menyebabkan runtuhnya banyak tebing di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan – berpuluh-puluh. Yang saya hendak tahu adakah keruntuhan tebing-tebing ini disebabkan oleh takdir Allah ataupun kejahatan manusia itu sendiri?

Tuan Yang di-Pertua: Itu minta pendapat ataupun apa?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat ini di bawah Jabatan Kerja Raya tetapi kita kena ingat, sebagai manusia, manusia boleh merancang dan Allah sahaja yang menentukannya. *[Ketawa]*

LEMBU/KERBAU DARI THAILAND – JUMLAH IMPORT DAN HASIL

13. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri pertanian menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kemasukan lembu, kerbau dari Thailand ke Malaysia dalam tahun 1995, berapa jumlah lesen yang masih beroperasi; dan
- (b) berapakah jumlah hasil yang dipungut darinya.

Dato' Abu Bakar bin. Taib: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kemasukan lembu, kerbau dari Thailand sepanjang tahun 1995 ialah sebanyak 17,237 ekor melalui tiga pintu utama iaitu Kuarantin Padang Besar, Perlis; Kuarantin Bukit Kayu Hitam, Kedah; dan Kuarantin Rantau Panjang, Kelantan.

Lesen (AP's) adalah tidak diperlukan. Pihak pengimport hanya perlu membuat permohonan kebenaran mengimport kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan permit

import akan dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk setiap consignment ternakan yang akan diimport.

- (b) Jumlah kutipan yang diperolehi pada tahun 1995 adalah sebanyak RM190,563.00.

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA DAN PROGRAM KEMBAR

14. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar terdapat beberapa kolej swasta mendakwa kononnya pelajar boleh lulus pengajian sebelum umur 21 tahun dan di samping itu juga terdapat wujudnya setengah universiti dengan 'program kembarnya' bersama institusi di sini. Jika sedar, adakah kementerian telah membuat kajian dan memastikan bahawa kualiti pelajar lulusan berkenaan benar-benar menepati dasar kementerian.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa terdapat beberapa buah institusi pendidikan tinggi swasta yang mendakwa pelajar boleh lulus pengajian sebelum berumur 21 tahun. Ini adalah bagi pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pengajian di peringkat sijil dan diploma.

Setakat ini memang terdapat beberapa buah IPT Awam tempatan yang menjalankan program kembar dengan institusi pendidikan tinggi swasta. Di samping itu, terdapat juga IPTS tempatan menjalankan program kembar dengan institusi luar negara.

Kementerian Pendidikan sentiasa mengawasi perkembangan-perkembangan institusi-institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini. Untuk memastikan agar semua IPTS akur dan patuh kepada dasar pendidikan negara, Kementerian Pendidikan sentiasa melakukan kawal selia yang rapi terhadap institusi-institusi tersebut.

TELEFON BIMBIT – PENGUATKUASAAN LARANGAN TERHADAP PEMANDU

14. **Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah pemandu yang menggunakan telefon bimbit semasa memandu menjadi satu kesalahan dari segi undang-undang dan berapakan kompaun jika sabit kesalahan yang dilakukan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan menguatkuasakan larangan menggunakan telefon bimbit semasa memandu mulai bulan Ogos, 1996. Kompaun yang akan dikenakan adalah RM300 dan jika disabitkan kesalahan ini oleh mahkamah maka denda mengenainya adalah tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 6 bulan.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, dalam pihak Kementerian Pengangkutan cuba mengawasi pengguna yang menggunakan telefon bimbit semasa memandu, saya ingin bertanya bagaimanakah agaknya pihak Kementerian Pengangkutan akan mengawasinya fasal memandu menggunakan telefon itu, siapakah yang dapat mengawasinya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai JPJ iaitu Pegawai-pegawai penguatkuasaan dan juga pihak polis akan sentiasa memerhatikan kepada semua pemandu. [Ketawa] Jika didapati mereka bercakap dengan memegang telefon maka mereka akan ditahan dan kompaun akan dikeluarkan sebanyak RM300. Sekiranya mereka tidak membayar mereka akan dibawa ke mahkamah dan mahkamah boleh mendenda sampai RM2,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Ibrahim Ali. Agaknya Dato' Ibrahim adalah salah seorang yang bercakap menggunakan telefon bimbit semasa memandu kenderaan.

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, itu sangkaan jahat. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, saya tarik balik.

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat mengenai dengan mengawal ataupun memerhati pemandu-pemandu yang menggunakan telefon bimbit mudah alih ini. Saya bimbang, takut-takut undang-undang ini menjadi mockery – diketawakan sebab seseorang yang menggunakan telefon bimbit, bila nampak polis dia akan letakkan dan dia tidak mangaku – cukup senang. Apakah tidak kerajaan memikirkan supaya mengharamkan terus daripada menggunakan telefon dalam kereta daripada dibenarkan, dan kalau didapati sabit kesalahan denda RM300. Ini betul-betul menjadi mockery, macam tali pinggang keledar, sebab hendak memerhatikan orang adalah tidak mungkin. Jadi, sebab itu saya tengok semasa menjawab tadi pun main-main sahaja – hendak memerhati – saya rasa itu tidak serius, sebab itu saya hendak tanya Yang Berhormat tidakkah kerajaan sedar betapa sukarnya untuk hendak menentukan dari segi pelaksanaan undang-undang. Kenapa tidak ianya diharamkan terus daripada menggunakan telefon mudah alih dalam kereta bagi menjamin daripada tidak berlaku kemalangan dan sebagainya.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, tadi bergurau sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun bergurau juga.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, itu mungkin pandangan rakan saya dari Kelantan tetapi sebenarnya kita telah membuat kajian. Oleh kerana sekarang ini kereta-kereta tidak boleh menggunakan cermin gelap, jadi, dengan mudah kita nampak dia pegang telefon aataupun tidak. Dan sekiranya apabila kita tangkap, dia kata dia tadi tidak pegang, JPJ dan Polis boleh terus mengeluarkan surat kompaun. Kalau dia tidak hendak bayar, kita boleh minta dia pergi ke mahkamah dan mereka kena jawab di mahkamah.

Saya berpendapat pengguna-pengguna kereta tentu tidak suka pergi ke mahkamah kerana pergi ke mahkamah lebih sukar, sebab itu mereka akan mematuhi peraturan ini dan sekiranya didapati besok, takdirnya ramai yang suka pergi ke mahkamah, kalau di dapati RM2,000 itu sedikit, kita akan naikkan lagi sampai RM4,000 dan kalau 6 bulan pun kita cukup, kita boleh naikkan supaya dipenjara sampai 1 tahun sehinggalah akhirnya pemandu-pemandu boleh mematuhi peraturan ini demi kepentingan orang ramai supaya mereka tidak terlibat atau melibatkan orang lain dalam kes kemalangan. Pendeknya kerajaan yakin bahawa ini boleh dilakukan.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Kementerian Pengangkutan. Bolehkah tidak, terbuatkah tidak, terkawalkah tidak, Polis atau Jabatan Pengangkutan Jalan atau sesiapa yang hendak menjaga. Yang mempunyai telefon ini bukan orang kaya-kaya atau orang sederhana, orang biasa pun boleh, yang menjual sayur di pasar tepi jalan itu pun sudah pakai *handphone*, macam mana kita hendak tangkap mereka, lebih-lebih dalam perjalanan. Terbuat atau tidak? Sejauh mana, tahankah kita membuatnya untuk selama-lama? Itu sahaja.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Insya-Allah, boleh tahan, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

HASIL PERTANIAN – JUMLAH KELUARAN DALAMAN/IMPORT

16. **Tuan Haji Bakri bin haji Ali Mahamad** minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyakkah pendapatan terkumpul jumlah hasil pertanian iaitu beras, sayur, ternakan dan perikanan tahun-tahun 1990, 1991, 1992, 1993, 1994 dan

1995. Berapa peratus yang dihasilkan oleh bumiputera. Berapa banyak pula bahan-bahan ini diimport dari negara asing dalam tahun-tahun yang berkenaan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pendapatan terkumpul bagi hasil beras dari segi nilai ditambah telah meningkat dari RM600 juta dalam tahun 1990 kepada RM666 juta dalam tahun 1995.

Bagi sayur-sayuran jumlah pendapatan terkumpul dari segi nilai ditambah telah meningkat dari RM380 juta dalam tahun 1990 kepada RM715 juta dalam tahun 1995. Jumlah pendapatan terkumpul dari segi nilai ditambah bagi ternakan pula, telah meningkat dari RM604 juta dalam tahun 1990 kepada RM715 juta dalam tahun 1995. Jumlah pendapatan terkumpul dari segi nilai ditambah bagi ternakan pula, telah meningkat dari RM604 juta dalam tahun 1990 kepada RM838 juta dalam tahun 1995. Sementara bagi perikanan, ianya meningkat dari RM1,534 juta dalam tahun 1990 kepada RM1,998 juta dalam tahun 1995.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian tidak menyimpan data berdasarkan peratus yang dihasilkan oleh bumiputera.

- (b) Jumlah nilai import beras, sayur-sayuran, ternakan dan perikanan dari negara asing dalam tahun 1990, 1991, 1992, 1993, 1994 dan 1995 adalah seperti berikut:-

	1990	1991	1992	1993	1994	1995
[RM Juta]						
Beras	269	350	346	283	295	356
Sayur	356	356	411	418	596	549
Ternakan						
Daging	316	354	341	361	434	522
Hasil Tenusu	539	580	655	715	727	953
Perikanan	362	451	602	655	748	773

CAJ PERKHIDMATAN PERUBATAN – SUBSIDI GOLONGAN MISKIN

17. **Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Kesihatan menyatakan dalam cadangan menaikkan bayaran perkhidmatan perubatan pesakit luar di hospital, cara bagaimana kerajaan memberi subsidi perkhidmatan perubatan kepada golongan pesakit miskin yang tidak mampu membayar untuk mendapatkan rawatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, di dalam cadangan menaikkan bayaran perkhidmatan perubatan pesakit luar di hospital, peruntukan mengenai pertimbangan pengecualian bayaran bagi golongan pesakit-pesakit miskin yang tidak mampu membayar akan dikekalkan. Kementerian sedang menyenarai tanggungjawab menyediakan *affordable health care*, dengan izin, kepada golongan miskin dan oleh itu dalam mengkaji semula caj-caj hospital akan meneruskan dengan dasar mensubsidikan kos perkhidmatan perubatan bagi golongan pesakit miskin yang tidak mampu membayar.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah kementerian dapat tahu bahawa pesakit itu miskin atau tidak? *[Ketawa]*

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan sekarang memang ada seseorang itu memohon untuk meminta subsidi.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dikenakan bayaran kepada rakyat asing, rakyat luar negeri yang meminta rawatan di hospital di negara kita?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, rakyat asing tidak mendapat subsidi.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan masalah mendapat rawatan percuma, sebab di kawasan saya ada FELDA, kadang-kadang kita lebih tahu bila bekerja di FELDA susah tentu susah tetapi pihak hospital masih juga tidak mahu bertimbang rasa meluluskan ataupun membenarkan bayaran ini diturunkan. Jadi, apakah cara kementerian menentukan bahawa pekerja-pekerja FELDA ini yang pendapatannya rendah, kita tahu pendapatan kebanyakan peneroka FELDA ini adalah rendah kurang daripada RM400 sebulan. Jadi, bagaimana caranya pihak kementerian untuk memberi kebenaran supaya dikecualikan bayaran rawatan hospital bagi pekerja-pekerja ataupun bagi peneroka-peneroka FELDA?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kepada peneroka FELDA khas kita tidak ada satu peruntukan tetapi panduan telah diberi kepada semua hospital untuk mengecualikan dengan menggunakan *means test*, dengan izin, di mana bagi keluarga yang mempunyai enam orang di bawah tanggungjawabnya dan berpendapatan RM300 sebulan atau kurang keseluruhannya, bil hospital akan dikecualikan kepada mereka. Kita ada mengambil kira pendapatan mereka dan panduan telah diberikan kepada hospital-hospital.

JARING –LANGKAH MENGATASI KESESAKAN

18. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa banyakkah permohonan Jaring masih belum diluluskan dan apakah tindakan yang akan diambil untuk meringankan kesesakan.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesesakan Jaring telah dapat di atasi dengan pemasangan talian tambahan pada bulan Mei 1996. Pemasangan talian tambahan akan terus dilakukan sepanjang masa untuk memenuhi keperluan.

Permohonan baru pelanggan biasanya diproses dan diluluskan dalam tempoh lima hari selepas pendaftaran secara 'on-line', dengan izin, dijalankan, sekiranya maklumat lengkap tentang pelanggan disertakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi soalan No. 19 hingga 25 akan dicetak dalam buku yang berasingan]

USUL

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan atas Usul yang dibuat di atas nama Perdana Menteri dan masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosia-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

menyokong kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka

Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

meluluskan dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020. *[3hb. Jun 1996]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Abdul Rashid bin Ismail, sila teruskan perbahasan.

3.36 ptg.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung semula perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh daripada semalam. Kesemua persoalan yang dibangkitkan ini perlu dileraikan kerana tidak ada jaminan dalam pergantungan kepada import kerana pergantungan kepada import lambat laun negara pembekal akan menghadapi krisis makanan yang akan memberi kesan langsung kepada negara pengimport.

Sesuatu yang perlu diingatkan iaitu mengenai isu kekurangan makanan utama seperti beras, kerap dibangkitkan untuk mengingatkan penduduk Asia agar bersedia dengan pengeluaran yang semakin menurun seperti berlaku di beberapa negara termasuklah negara China, Taiwan dan Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada laporan Institut Penyelidikan Kependudukan China, negara itu hanya mempunyai 7% daripada keseluruhan ladang dunia yang dijangka mengalami kesukaran menyediakan makanan kepada penduduknya iaitu 22% daripada jumlah penduduk dunia.

Pengeluaran beras di Taiwan pula telah dilaporkan jatuh kepada 1.7 juta tan metrik pada tahun 1994 berbanding dengan 1.82 juta tan metrik pada tahun 1993. Indonesia juga mencatatkan kejatuhan pengeluaran beras bagi dua tahun berturut-turut yakni kejatuhan yang pertama kali berlaku dalam masa 25 tahun. Hanyalah negara Thailand pengekspor utama beras dunia yang menjual sebanyak 4.8 juta tan metrik beras pada tahun lalu dan dijangka meningkat pengeluarannya sehingga 13.58 juta tan metrik daripada 12 juta tan pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada senario ini, kita perlulah mempertingkatkan pengeluaran padi negara, jika tidak, Malaysia akan menghadapi risiko yang tinggi sekiranya masih bergantung kepada bekalan beras yang diimport dari luar.

Boleh saya memetik sebagai untuk pengetahuan kia betapa pentingnya makanan daripada seorang penulis iaitu *Sun Tze* menerusi bukunya yang berjudul '*Seni Peperangan*' yang memetik *Li Chuan* sebagai berkata '*benteng perlindungan daripada besi-besi adalah tidak seperti yang sebagaimana bijiran dan makanan*'.

Ini sudah tentulah dapat kita lihat negara Amerika yang telah membangun begitu pesat bukan sahaja mampu memberi makanan kepada seluruh rakyatnya yang secukupnya tetapi mampu juga menjual makanan-makanan ini kepada negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita juga berharap Kementerian Pertanian juga mengambil kira kemusnahan kawasan-kawasan paya bakau disebabkan oleh projek akuakultur. Pada masa ini terdapat lebih 400,000 hektar tanah di seluruh negara mempunyai potensi untuk dibangunkan bagi melaksanakan projek akuakultur pada masa ini dan juga terdapat lebih kurang 12,000 hektar projek akuakultur di sebuah negara yang menghasilkan pengeluaran lebih kurang 100,000 tan setahun. Dalam pelaksanaan projek akuakultur ini didapati ada tempat-tempat hutan bakau yang telah dimusnahkan dan hal ini adalah satu gejala buruk yang akan memusnahkan ribuan spesis ikan dan tumbuhan dari segi jangka panjang.

Saya boleh juga memetik seorang penulis buku yang bernama Dr. Nick Midcalton, sebenarnya seorang pensyarah *physical geography* di Kolej Orient dan juga di Kolej St. Anne University Oxford yang telah menulis sebuah buku yang berjudul "*Atlas Isu Persekitaran*". Menerusi buku tersebut, beliau memberitahu sebanyak 70% garisan pinggir laut tropika yang terdapat di jalan keluar sungai ditumbuhi pokok-pokok tahan masin yang dikenali sebagai bakau dan bakau ini menampung ekosistem yang sangat kaya, menjadi habitat kepada lebih 2,000 spesis ikan dan tumbuhan. Apabila daun serta ranting pokok bakau bakau ini jatuh ke dalam air dan terurai, nutriknya membentuk pusingan pertama dalam proses rangkaian makanan di muaramuara kawasan tropika dan ia pula dimakan oleh ikan-ikan kecil, udang-udang kecil dan kemudiannya dimakan oleh ikan-ikan besar, ketam dan sebagainya dan burung dan kemudian pula setengah daripada ikan, burung dan ketam ini dimakan pula oleh manusia.

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa] Manusia yang paling hebat.

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: Selama beribu-ribu tahun bakau telah menyumbangkan banyak bakti kepada masyarakat di kawasan tropika. Ia telah membekalkan kayu, bahan api dan juga arang serta ikan kepada manusia. Bakau yang menstabilkan pinggir laut dan melindungi daripada hakisan. Bagaimanapun, hutan paya bakau ini sedang dan telah dimusnahkan dengan banyaknya di beberapa bahagian dunia melalui pelbagai cara. Dalam beberapa kajian hutan-hutan bakau, didapati telah dieksploitasi dengan sewenang-wenangnya. Di Malaysia misalnya, seluas 5,000 bakau dimusnahkan setiap tahun untuk pengeluaran kayu serpih bagi membuat papan serpih untuk projek akuakultur. Di kawasan-kawasan lain pula hutan akau dimusnahkan untuk memberikan ruang kepada tujuan-tujuan lain seperti pembinaan kolam air masin bagi pembiakan udang.

Berdasarkan kepada kasar kemusnahan sekarang ini adalah dijangka bahawa hutan bakau akan pupus daripada kawasan ini dan jika tidak dikawal dari sekarang, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kebanyakan negara dan juga pemaju yang menganggapkan kawasan hutan bakau adalah tanah terbuang, oleh itu kawasan-kawasan ini perlulah dibersihkan dan digunakan untuk tujuan lain. Pada waktu ini didapati sebanyak 18 buah negara telah mengambil langkah untuk melindungi tumbuh-tumbuhan dan haiwan di sekitar hutan bakau. Umpamanya, negara Thai dan Amerika Syarikat adalah di antara beberapa negara yang menanam pokok-pokok bakau untuk mengelakkan kejadian hakisan pinggir laut. Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, betapa pentingnya peranan hutan bakau sebagai satu anugerah Tuhan kepada manusia.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ini Kementerian Pertanian diminta supaya memastikan projek-projek akuakultur dapat dilaksanakan tetapi dengan tidak memusnahkan hutan-hutan paya bakau sebagai tempat pembiakan spesis ikan dan udang serta tumbuh-tumbuhan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia pula, saya ingin memberitahu dan berharap tindakan sewajarnya akan diambil kerana baru-baru ini saya dapati lebih daripada 9,600 majikan yang telah ketegap dan tidak mahu membayar caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Saya rasa ini satu tanggungjawab majikan, kalau kita bandingkan, kalau 9,600 majikan ini ada lima perkara minimumnya, sudah pun melibatkan lebih kurang 45,000 orang pekerja dan kalau 10 puratanya sudah lebih 100,000 dan ini saya rasa haruslah diambil tindakan

sewajarnya kerana asasnya ialah pekerja-pekerja harus diberi pembelaan khususnya hak mereka terhadap mencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Saya kadang-kadang melihat dalam TV ini, rasa kasihan kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita dan saya kira telah empat, lima kali dia telah bercakap dan baru-baru ini dia telah bercakap dengan sedih dan marah terhadap Langkawi yang dijadikan satu Pulau Bebas Cukai yang terdapat barang-barang dijual oleh penjual-penjual di negeri tersebut meningkat begitu tinggi. Mahu keuntungan yang lebih besar dan saya rasa patutlah melibatkan wakil rakyat, ahli-ahli UMNO, badan-badan pertubuhan di Langkawi itu, membuat satu perjumpaan dengan pertubuhan dan penjual-penjual termasuklah makanan di gerai-gerai.

Saya sekali itu telah hadir, Tuan Yang di-Pertua, makan empat orang, masa hari sibuk RM60, lebih mahal daripada gerai yang ada di Kuala Lumpur. Bila tanya dia kata itulah harganya, orang ramai sedang tunggu hendak makan, empat lima orang makan seorang seketul daging, seorang seketul ayam dengan ikan dan sayur RM60 lebih.

Jadi, tidak hairanlah dengan apa yang dibangkitkan baru-baru ini oleh Perdana Menteri dan saya rasa rakyat di Langkawi harus bertanggungjawab dan beliau juga telah berasa kecewa terhadap infrastruktur yang telah diberi kepada orang-orang Langkawi ini untuk memajukan Langkawi beribu-ribu juta ringgit dan mereka telahpun tidak menghiraukan nasihat dan pandangan-pandangan Perdana Menteri. Dan saya berharap sama ada Kementerian Pelancongan, termasuklah beberapa pemimpin di pulau itu akan membuat perjumpaan dan akan menasihati semua penjual di Pulau Langkawi itu supaya janganlah menaikkan harga terlalu tinggi, kemungkinan pada suatu hari sudah tidak ada pelancong yang hendak datang ke Pulau Langkawi kerana telah menjadi satu kawasan walaupun bebas daripada cukai tetapi dari segi barangannya termasuk makanan begitu mahal.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Rashid, tengok dua orang berminat untuk minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya buat cadangan di atas saranan Yang Berhormat tadi supaya kerajaan menubuhkan satu Majlis Penguatkuasa Kawasan Bebas Cukai untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan.

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: Saya setuju sangat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat dan saya sokong penuh cadangan tersebut dan dengan itu sekali lagi

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi, orang yang dekat dengan Langkawi hendak minta laluan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan soalan tambahan, minta penjelasan. *[Ketawa]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Minta penjelasan. *[Ketawa]* Pertama sekali kita tahu orang berniaga ini dia tidak ada lain, hendak cari untung. Jadi, kalau dia cari untung apa sebab kita hendak salahkan dia pula. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kalau kita agak benda itu mahal, kita tidak payah makan, kita bawa bekal bila kita pergi ke Langkawi? Jadi, masalah itu boleh selesai. *[Ketawa]*

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itu suatu jawapan yang saya rasa baik tetapi mungkin tidak boleh dilaksanakan. Yang kita cuba hendak beritahu kepada rakyat supaya di samping hendak cari keuntungan, seperti Yang Amat Berhormat kata, janganlah sehingga berlipat ganda dan menakutkan pelancong-pelancong. Saya rasa dalam perniagaan ini tidak semua yang boleh kita cuba mengautkan keuntungan dalam masa yang singkat. Saya tidak tahulah, saya berpendapat yang sama. Hendak hidup lama, jadi hendak berniaga lebih lama, hendak untung lebih lama, adalah lebih baik

Tuan Yang di-Pertua: Untung sedikit-sedikit.

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: untung sedikit-sedikit dan harga-harga yang berpatutan.

Ini satu amalan yang baik dan ia juga sesuai dengan kehendak agama Islam kita walaupun kita tidak boleh menyekat orang lain itu hendak mengambil keuntungan yang lebih, tetapi menyusahkan rakyat dan menyusahkan orang lain.

Jadi, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, terima kasihlah kepada pandangan dan saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat tadi untuk menubuhkan satu Jawatankuasa atau Majlis Penguatkuasa dengan secepat mungkin.

Sekian, terima kasih dan dengan itu saya menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

3.51 ptg.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri yang telah membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh, satu dokumen yang bersejarah dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada beberapa hari yang lalu.

Ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini telah menggambarkan dengan data-data pencapaian negara kita dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Kualiti hidup rakyat Malaysia telah meningkat berdasarkan peningkatan pendapatan per kapita dan pertumbuhan ekonomi, pengurangan pengangguran dan kadar kemiskinan, meluaskan "accessibility" kepada perkhidmatan sosial seperti pendidikan, kesihatan, perumahan dan pemberian kemudahan infrastruktur yang lebih baik kepada rakyat Malaysia.

Hasil daripada kejayaan dalam sektor-sektor ini telah memanjangkan jangka hayat atau "life expectancy" bagi lelaki dan wanita kepada 69.3 tahun dan 74 tahun pada tahun 1995 dan nampaknya jangka hayat wanita adalah lebih daripada lelaki oleh kerana mereka mengalami "less stress" ataupun tekanan hidup yang kurang. Kadar kematian bayi juga telah kurang daripada 13 bagi setiap 1000 kelahiran pada tahun 1990 kepada 10.5 bagi setiap 1000 kelahiran pada tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, RMK-7 juga melaporkan bahawa kesemua isi rumah di bandar dan 92% isi rumah di luar bandar menikmati kemudahan elektrik manakala 99% isi rumah di bandar dan 83.5% isi rumah di luar bandar menikmati kemudahan bekalan air minuman yang bersih.

Tuan Yang di-Pertua, semua statistik ini adalah petunjuk sosio-ekonomi negara kita yang menentukan status perkembangan negara. Seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, ekonomi kita telah

berkembang pada kadar 6.7% setahun dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru, tetapi untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara maju, ekonomi kita perlu tumbuh pada kadar purata 7% setahun selama 30 tahun. Ini adalah hanya 0.3% lebih daripada pertumbuhan yang telah dicapai dalam tempoh 20 tahun Dasar Ekonomi Baru.

Oleh keana kita mempunyai ekonomi yang kukuh, tenaga manusia yang cekap, suasana politik yang stabil, kepimpinan politik adalah berkaliber, berwawasan dan sensitif kepada keperluan rakyat dan ekonomi telah tumbuh 8% pada tempoh 8 tahun yang berturut-turut, saya yakin kita boleh mencapai status sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1979, satu laporan OECD telah mengenal pasti 10 negara sebagai negara membangun yang baru iaitu "newly industrializing countries" ataupun NICs. Ia adalah Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, Singapura, Mexico, Brazil, Greece, Portugal, Spain dan bekas Yugoslavia.

Tetapi pada penghujung 1980-an, hanya empat negara Asia iaitu Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan masih memegang status sebagai NIC. Negara-negara yang lain tidak boleh memenuhi syarat-syarat bagi mengekalkan status NIC itu. Perkembangan ini disebutkan sebagai The ASEAN Economic Miracle.

Semenjak tahun 1970-an, empat negara Asia iaitu Malaysia, Thailand, Indonesia dan Filipina menunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan negara-negara ASEAN ini telah diiktirafkan dan ditakrifkan sebagai separuh NICs.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat dan mampan di negara-negara Asia dalam tempoh dua dekad yang lalu dipuji oleh pakar-pakar ekonomi. John Naisbett dalam bukunya *Mega Trends Asia* memuji negara-negara Asia ini dan mengatakan perkembangan ini sebagai "The Asian's Renaissance". Pakar-pakar yang lain menyatakan tempoh ini sebagai era Abad Pasifik atau The Pacific Century.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun beberapa pakar ekonomi telah memberi komen yang positif kepada pertumbuhan ekonomi dan perkembangan negara-negara itu, salah satu pengkritik adalah Paul Krugman, seorang profesor dari Stanford University. Paul Krugman menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah "input driven" dan bukanlah "productivity driven". Walaupun beberapa negara Asia itu telah mencapai total factor productivity hampir sama dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Kanada, tetapi mereka tidak boleh mengekalkan status itu jika mereka tidak memberi perhatian yang serius kepada pendidikan R&D dan ekonomi yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' T. Marimuthu, berhenti sekejap, kita hendak tukar. Sebelum itu, saya ingin memberi perhatian kepada pencatat berkenaan dengan *Hansard*. Dalam *Hansard*, dinyatakan pengganti saya dibuat di bawah Peraturan 16(3), tetapi minta ditukar kepada 6(3). Saya tidak pernah sebut 16(3) tetapi 6(3).

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Ding Seling: Sila teruskan.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Kritik-kritik ini telah diberi perhatian yang wajar dalam Rancangan Malaysia Ketujuh di mana rancangan ini akan mengalihkan tumpuan daripada strategi pertumbuhan yang didorong oleh input kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dengan meningkatkan sumbangan produktiviti faktor keseluruhan ataupun TFP. TFP merujuk kepada output tambahan yang diperolehi melalui peningkatan kecekapan tenaga manusia hasil daripada kemajuan pendidikan, kemahiran dan kepakaran pekerja. Tenaga manusia yang lebih efisien ditambah oleh penggunaan teknik dan pengetahuan pengurusan yang tinggi, pengenalan teknologi baru dan IT dan kemajuan dalam organisasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat peluang untuk membandingkan Rancangan Malaysia Ketujuh dengan Rancangan Malaysia Pertama. Rancangan Malaysia Ketujuh

telah mencapai satu taraf (status) yang boleh dikatakan sebagai “the quantum leap” daripada Rancangan Malaysia Pertama. Skop, coverage, teori dan konsep, strategi yang dirancangan adalah komprehensif dan telah difikir dengan mendalam. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan juga kepada pegawai-pegawai yang telah menyediakan laporan yang bersejarah ini. Rancangan Malaysia Ketujuh akan memberi panduan kepada negara kita untuk menangani cabaran-cabaran abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rancangan Malaysia Ketujuh adalah satu dokumen membanggakan kita tetapi hasil daripada Rancangan Malaysia Ketujuh itu adalah bergantung kepada pelaksanaannya. Pelaksanaan adalah satu faktor yang penting untuk merealisasikan objektif dan visi Rancangan Malaysia Ketujuh itu. Saya harap kerajaan akan memberi perhatian yang khusus kepada faktor ini dan mempertingkatkan semangat golongan dalam perkhidmatan awam supaya mereka menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih cekap, komited dan dedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, pendapatan per kapita pada tahun 1995 adalah RM9,786 dibandingkan dengan RM6,099 pada tahun 1990. Jika dibandingkan dengan pendapatan per kapita pada tahun 1965, iaitu RM930 sahaja, pendapatan pada masa kini adalah sepuluh kali ganda dalam tempoh 30 tahun. Ini adalah satu kemajuan yang membanggakan. Tetapi mengikut Rancangan Malaysia Ketujuh, ketidaksamaan pendapatan iaitu income inequality, telah meningkat berdasarkan atas co-efficient dari 0.446 pada tahun 1990 kepada 0.464 pada tahun 1995. Ketidaksamaan pendapatan ini adalah berkait dengan pengagihan pendapatan. Oleh kerana itu, kita tidak boleh menentukan atau mengungkit kesejahteraan rakyat keseluruhannya atas purata pendapatan sahaja. Jika trend ini akan berterusan, “the rich will become richer and the poor will remain poor”, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, pendapatan purata isi rumah kumpulan etnik India telah meningkat daripada RM1,209 kepada RM2,153 sebulan. Peningkatan ini tidak boleh dianggap sebagai kualiti hidup golongan India telah meningkat keseluruhannya oleh kerana kita harus memberi perhatian kepada income disparity di dalam kumpulan itu atau ketidaksamaan pendapatan bukan di antara kumpulan-kumpulan etnik tetapi dalam kumpulan itu sahaja. Saya difahamkan bahawa jurang perbezaan pendapatan (disparity of income) untuk kumpulan etnik India adalah tertinggi dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan etnik yang lain. Kita harus memberi fokus atas jurang perbezaan di antara kumpulan-kumpulan dalam suatu golongan etnik. Pendapatan ini adalah pendapatan isi rumah. Kita tidak ada maklumat mengenai bilangan ahli dalam keluarga itu ataupun keluarga etnik masing-masing yang menyumbang kepada pendapatan isi rumah itu. Data-data pendapatan purata mungkin menyembunyikan aspek-aspek yang lain dan kita harus meneliti data-data itu dengan lebih mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak atas bidang pendidikan, satu topik yang terpenting untuk perkembangan negara kita. Pendidikan dianggap sebagai pencetus bagi pertumbuhan ekonomi, perkembangan sosial dan peningkatan kesejahteraan rakyat. Negara-negara membangun memegang dengan teguh kepercayaan mereka kepada bidang pendidikan untuk menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh mereka.

Di negara kita, pendidikan telah mendapat peruntukan yang terbesar iaitu RM8 bilion bagi Rancangan Malaysia Keenam dan RM10 bilion bagi Rancangan Malaysia Ketujuh. Bab atas pendidikan dan latihan menunjukkan satu paradigm shift di mana beberapa perubahan besar akan diperkenalkan untuk memperbaiki kualiti dan menambah kualiti tenaga manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan yang telah dicapai oleh sektor ini adalah menggalakkan. Pendidikan universal telah dicapai di peringkat pendidikan rendah. Enrolment di peringkat sekolah menengah rendah telah meningkat kepada 86% dan bagi peringkat menengah atas pula kepada 63.7% pada tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Tetapi enrolment di peringkat ijazah pertama adalah rendah iaitu untuk kumpulan umur 19 sehingga 24 tahun hanya 3.5% didaftar di peringkat ini.

Kementerian Pendidikan mengakui bahawa enrolment ini adalah paling rendah berbanding negara-negara maju. Di Amerika Syarikat kira-kira 50% di peringkat umur itu didaftar dalam kolej atau universiti. Australia, negara yang mempunyai jumlah penduduk yang sama mempunyai 36 universiti yang diberi peruntukan oleh kerajaan. United Kingdom dengan penduduk lebih 50 juta mempunyai lebih 100 buah universiti. Untuk meningkatkan peratusan enrolment ini, Kementerian Pendidikan akan meningkatkan enrolment dalam tujuh universiti tempatan kepada 20,000 pelajar sepenuh masa menjelang tahun 2000.

Kementerian Pendidikan mengakui beberapa kelemahan dalam sistem pendidikan dan akan mengambil tindakan untuk memperbaiki sistem itu. Saya ingin menyentuh atas beberapa aspek yang dicatatkan dalam RMK-7 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan prasekolah diberi tumpuan yang lebih serius dalam RMK-7 ini. Kepentingan prasekolah untuk perkembangan aspek-aspek mental, fizikal dan rohani adalah disedari oleh Kementerian Pendidikan. Peringkat umur ini adalah terpenting untuk perkembangan intelek. Prasekolah adalah batu asas untuk bidang pendidikan dan jika kualiti prasekolah adalah baik, prestasi di peringkat rendah dan menengah akan meningkat. Peringkat inilah menanam minat dan tarikan kanak-kanak kepada proses persekolahan. Pendidikan prasekolah juga menyediakan mereka kepada persekolahan yang formal, oleh kerana itu kualiti prasekolah harus dikawal.

Saya merasa bangga bahawa kementerian Pendidikan dan sektor swasta telah menyediakan kemudahan prasekolah untuk 420,600 kanak-kanak kita, tetapi satu golongan kanak-kanak yang tidak dapat manfaat dari peluang pendidikan prasekolah yang disediakan adalah dari kawasan perladangan. Hanya sebahagian kecil kanak-kanak mendapat peluang untuk pendidikan prasekolah di estet-estet. Kualiti prasekolah yang sedia ada dalam kawasan ini adalah rendah. Kemudahan fizikal adalah tidak memuaskan, saiz kelas adalah besar dan yang teruk sekali mereka diajar secara formal oleh guru-guru yang tidak mempunyai latihan profesional.

Saya berpendapat bahawa 'bad teaching is worse than no teaching' untuk golongan ini. Oleh kerana golongan kanak-kanak ini adalah daripada keluarga yang tersekat sosio-ekonomi, jadi saya bercadang bahawa prasekolah rancangan dalam RMK-7 merangkumi kumpulan ini juga. Ini adalah sejajar dengan tujuan pendidikan iaitu untuk menyediakan tenaga kerja yang berpendidikan, berkemahiran dan bermotivasi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan sistem persekolahan adalah diuji atas prestasi murid-murid, iaitu pencapaian akademik mereka, kadar keciciran, masalah disiplin, kesesuaian mereka kepada pasaran pekerjaan (the job market) dan kualiti individu keseluruhannya. Tetapi biasanya keberkesanan pendidikan diukur atas prestasi akademik murid-murid sahaja.

Mengenai prestasi akademik murid-murid di peringkat sekolah rendah, analisis pencapaian UPSR tahun 1995 menunjukkan bahawa hanya 18.8% pelajar di luar bandar mencapai gred cemerlang dalam bahasa Inggeris berbanding dengan 41.8% pelajar di bandar. Dalam mata pelajaran Matematik pula hanya 35.4% dibandingkan dengan 47.85 mencapai gred yang cemerlang.

Mengikut aliran sekolah, SRJK (Tamil) mendapat gred yang paling rendah dalam semua mata pelajaran dibandingkan dengan aliran sekolah-sekolah yang lain. Dalam peperiksaan UPSR 1995 hanya 21% lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, 56% dalam Matematik dan 46% dalam bahasa Inggeris. Jurang perbezaan dalam pencapaian akademik murid-murid sekolah Tamil dengan SRK dan SRJK (Cina) adalah luas. SRJK(Tamil) masih menghadapi beberapa masalah seperti bangunan yang usang, kemudahan fizikal yang kurang memuaskan, kekurangan bilik darjah, kerusi meja dan sebahagian besar guru sandaran yang tidak mempunyai latihan profesional.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan peka bahawa sekolah-sekolah dalam kawasan pedalaman seperti di negeri Sabah dan Sarawak dan juga sekolah-sekolah

agama yang telah dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini menghadapi beberapa masalah tersebut di atas. Tetapi majoriti sekolah Tamil mempunyai satu faktor yang unik iaitu hampir 70% daripada 436 sekolah-sekolah Tamil, adalah di dalam kawasan ladang dan diletak atas tanah swasta. Sekolah-sekolah ini diberi status sekolah bantuan modal di mana kerajaan memberi peruntukan yang terhad.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan atas masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah ini dalam beberapa dekad, sekolah-sekolah Tamil boleh dikatakan sebagai 'the Cinderella of the Malaysian education system', dengan izin. Mereka memerlukan satu 'Prince Charming' dan 'Prince Charming' itu adalah Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak. Beliau telah mewujudkan beberapa perubahan besar dalam sistem pendidikan kita untuk mencapai satu tahap kecemerlangan antarabangsa ataupun 'world class standard'.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan melaksanakan konsep pendidikan di bawah satu bumbung supaya tidak timbul masalah sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil, Cina yang tidak lengkap?

Dato' Dr. T. Marimuthu: Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bahawa sekolah Tamil, sekolah Cina dan SRK boleh diletak dalam satu bumbung. Ini adalah satu strategi yang telah digunakan dan telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan di beberapa kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai tujuan itu kita harus menumpukan atas faktor-faktor kelemahan yang menghalang pencapaian tujuan itu. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberi perhatian yang serius kepada masalah-masalah sekolah Tamil dan sekolah-sekolah kecil yang lain untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan keseluruhannya.

Apabila saya meneliti Bab 10 atas pendidikan dan latihan beberapa strategi dan cadangan telah dirancang untuk mengukuhkan dan meningkatkan kualiti sistem pendidikan. Bagi memperbaiki prestasi pelajar lemah, kerajaan akan terus melaksanakan pendidikan pemulihan ataupun remedial compensatory education dan ingin mencapai nisbah guru pemulihan pelajar daripada 1 guru bagi 1,442 pelajar kepada 1 guru bagi 500 pelajar. Saya tidak ada syak lagi bahawa rancangan akan mempertingkatkan prestasi akademik murid-murid khususnya di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek saya ingin tekankan di sini ialah tiap-tiap guru adalah guru pemulihan, tiap-tiap guru harus mempunyai bukan sahaja pengetahuan dan kemahiran untuk mengajar murid-murid yang lemah, tetapi mereka harus mempunyai sikap dan komitmen yang positif terhadap golongan ini. Aspek ini harus ditekankan dalam latihan dan kurikulum profesion perguruan.

Tuan Yang di-Pertua, semua langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan akan mengurangkan kadar kegagalan dalam SPM. Walaupun kadar kegagalan nasional adalah 32.9% pada tahun 1995, tetapi 58.3% pelajar daripada luar bandar gagal dalam SPM. Kadar kegagalan ini adalah tinggi dan saya percaya semua langkah compensatory ataupun pemulihan yang diambil akan memberi hasil dalam tempoh RMK-7 ini.

Satu faktor yang menyumbang kepada kadar kegagalan yang tinggi ini adalah kualiti kelas peralihan. Kelas peralihan ini diperkenalkan dalam Sistem Pendidikan Nasional bagi murid-murid SRJK(T) dan SRJK(C) supaya mereka boleh mempertingkatkan kefahaman dalam Bahasa Melayu. Oleh kerana itu kurikulum kelas

ini memfokuskan atas bahasa dan menyetepikan mata pelajaran yang lain seperti matematik.

Apabila pelajar daripada kelas peralihan memasuki Tingkatan I, sebahagian besar tidak boleh memahami apa yang berlaku dalam kelas itu. Kumpulan ini mungkin menjadi golongan bermasalah disiplin. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan Kementerian Pendidikan untuk memberi peluang kepada murid-murid SRJK(T) dan SRJK(C) yang mendapat gred yang baik dalam UPSR memasuki ke Tingkatan 1 secara direct. Implikasi polisi ini untuk kelas peralihan ialah pelajar-pelajar yang masuk ke kelas peralihan adalah benar-benar lemah dalam pendidikan, dan boleh dikatakan sebagai golongan yang 'double disadvantaged'. Oleh kerana itu, kurikulum dan pendekatan pengajaran harus disemak semula untuk kelas peralihan ini.

Lagi satu perkara pendidikan, saya ingin menyentuh ialah polisi untuk mengadakan peperiksaan bagi Darjah 3. Peperiksaan ini adalah 'diagnostic' dan bukan 'evaluative'. Maksudnya, peperiksaan ini akan memberi gambaran yang baik mengenai kualiti pendidikan dan guru-guru boleh mengambil tindakan pemulihan yang sewajarnya. Saya harap peperiksaan sebenar-benar adalah diagnostic dan bukan 'selective'. Tetapi saya difahamkan bahawa keputusan daripada ujian ini akan digunakan untuk promosi murid-murid ke darjah 5. Ini adalah sejajar dengan polisi kerajaan untuk mempertingkatkan kecemerlangan. Tetapi apa yang akan berlaku adalah ibu bapa, guru dan masyarakat akan menumpukan atas peperiksaan ini sebagai satu tanda kualiti murid-murid mereka. Tuition akan bermula lebih awal dalam sistem pendidikan kita, dan budaya peperiksaan akan memperkukuhkan lagi. Peperiksaan ini mementingkan aspek akademik. Dan aspek-aspek bukan akademik akan diketepikan.

Budaya yang berorientasikan kepada peperiksaan akan mewujudkan satu sistem pendidikan serentak, ataupun 'parallel system', iaitu sistem tuisyen. Apabila saya berkhidmat sebagai profesor di Universiti Malaya saya telah menjalankan satu kajian antarabangsa atas tuisyen. Daripada sample 8.420 pelajar-pelajar di Malaysia, dari Tingkatan 3, Tingkatan 5 dan Tingkatan 6, 52% mengambil tuisyen, dibandingkan dengan Sri Langka di mana 74% mengambil tuisyen. Di Malaysia 30% memulakan tuisyen di peringkat sekolah rendah, dan 54% di peringkat menengah rendah dan 16% di peringkat menengah atas. Di Sri Langka pula hanya 4% memulakan tuisyen di peringkat sekolah rendah dan majoriti 37% di peringkat menengah rendah dan 59% di peringkat menengah atas.

Oleh kerana ada beberapa akibat yang negatif mengenai tuisyen, kita harus mengawal institusi tuisyen ini. Kita tidak mahu satu situasi seperti di Jepun, di mana murid-murid di peringkat kindergarten dihantar ke 'cramp schools' ataupun pusat tuisyen bagi menyediakan mereka untuk peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan penuh cadangan untuk mengadakan sekolah satu sesi. Ini akan memberi faedah bukan sahaja dari aspek peningkatan kualiti pendidikan, tetapi juga perkembangan individu secara keseluruhannya melalui beberapa kegiatan ko-kurikulum dalam sekolah. Saya juga bersetuju dengan cadangan mengatakan sekolah-sekolah kecil menjadi kompleks-kompleks sekolah yang baru dengan menyediakan kemudahan asrama. Saya harap cadangan ini akan merangkumi sekolah-sekolah Tamil yang ditakrifkan oleh laporan keciciran sebagai 'the smallest and the poorest schools'. Saya percaya bahawa langkah-langkah yang dicadangkan untuk tempoh RMK-7 ini akan mencapai tujuan untuk memperbaiki kualiti tenaga manusia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan akhirnya, saya ingin merujuk kepada perkhidmatan kesihatan. Laporan RMK-7 menyatakan bahawa kerajaan berhasrat untuk menswastakan kebanyakan kemudahan kesihatan termasuk hospital dan unit-unit rawatan khas. Negara kita mempunyai satu sistem kesihatan yang baik yang menyampaikan perkhidmatan kepada golongan berpendapatan rendah. Saya bimbang jika semua hospital-hospital besar di negara kita diswastakan, ini akan menyusahkan golongan yang berpendapatan rendah. Kesihatan seperti pendidikan adalah sebagai satu

perkhidmatan sosial yang penting, dan kerajaan harus memberi untuk terus menjalankan perkhidmatan kesihatan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat kita.

Saya bersetuju dengan cadangan bahawa sektor swasta digalakkan untuk mengadakan hospital-hospital bagi pesakit yang berpendapatan sederhana. Walau bagaimanapun, pengawalan kesihatan rakyat adalah tanggungjawab kerajaan dan apabila proses penswastan berlaku, prinsip ini tidak dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh keyakinan bahawa RMK-7 akan mencapai tujuan-tujuan yang dirancangan, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.

4.28 ptg.

Tuan Haji Abdul Salam bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana beri peluang kepada saya untuk berbahas di atas Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita dalam Dewan Rakyat dan juga disusuli oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri pada 28 Mei 1996 di Dewan yang mulia ini.

Rancangan Malaysia Ketujuh ialah satu rancangan sambungan daripada beberapa rancangan yang lepas. Keseluruhannya ialah minda perjuangan Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan jaguh-jaguh politik yang benar-benar ikhlas untuk membela rakyat berbilang kaum di negara ini. Negara kita berubah keadaannya daripada satu rancangan kepada satu rancangan, dan sekarang kita berada dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang banyak lagi peruntukan yang dikhususkan untuk membela nasib rakyat. Di antara peruntukan yang besar dibekalkan ialah dalam sektor ekonomi, sebanyak RM33.7 bilion. Dalam sektor ini, saya berharap perhatian serius dibuat untuk memastikan kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik, terutamanya di kalangan bumiputera diberi pertolongan keutamaan.

Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkait ialah seperti Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kerja Raya dan lain-lain juga. Projek-projek yang diswastakan perlulah dititikberatkan dan mengambil perhatian yang lebih mendalam lagi supaya penyertaan bumiputera tercapai sasarannya. Diharap dewan-dewan perniagaan dan juga persatuan-persatuan yang berkaitan diberi ruang untuk menyokong ahli-ahli mereka yang berpotensi dan berwibawa bagi mendapat peluang dalam penyertaan projek-projek penswastan itu.

Kontraktor-kontraktor yang berwibawa pula hendaklah dipupukkan lagi supaya prestasi kerja mereka dapat bersaing hebat dengan kumpulan-kumpulan yang telah pun maju dan berjaya. Rancangan usaha sama di antara syarikat-syarikat bumiputera dan bukan bumiputera juga perlu diperhebatkan lagi dan kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan PKK dan juga CIDB hendaklah dikemaskan pentadbirannya supaya setiap kontraktor berasa betul-betul komited dengan profesion mereka. Kontraktor-kontraktor yang belum lagi tercapai prestasi yang sepatutnya, perlu diberi latihan sehingga mereka berjaya. Janganlah pula mereka yang menemui kegagalan dilucutkan lesen dan diambil tindakan sehingga mematikan semangat keusahawanan mereka yang mereka telah bendung begitu lama.

Menyentuh tentang pembasmian kemiskinan, melalui Kementerian Luar Bandar, saya yakin, kalau segala program yang ditaja, dilaksanakan dengan baik dan ikhlas, tahap kemiskinan rakyat di negara kita ini dapatlah dikurangkan dan mungkin dapat dihapuskan. Di bawah kementerian ini juga saya berharap segala jalan-jalan kampung, sistem-sistem perparitan di luar bandar dapat diperbaiki dan diperbesarkan. Bekalan-bekalan elektrik, air dan telefon juga hendaklah disalurkan dengan lebih berkesan dan sempurna.

Dalam sektor pendidikan, peruntukan sebanyak RM10.2 bilion itu sangatlah berpatutuan. Dengan program baru yang di rumuskan oleh kementerian ini akan membuahkan hasil yang baik kepada negara kita kerana akan dapat mengeluarkan pelajar-pelajar yang dibekalkan dengan ilmu sains dan teknologi yang dikehendaki oleh negara membangun seperti Malaysia ini.

Saya berharap, semua belia dan beliawanis yang berpeluang belajar di pusat-pusat pengajian yang ada di dalam negara ini akan berjaya dan pihak kementerian pula perlulah bersungguh-sungguh memastikan program ini berhasil dengan cemerlangnya. Maka dengan tenaga profesional yang akan dikeluarkan, tidaklah lagi membebankan pengusaha-pengusaha kita untuk mendapatkan tenaga-tenaga kerja yang berpengetahuan dan pergantungan kepada tenaga luar dapatlah dikurangkan.

Menyentuh MARA, di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, telah pun dibuktikan tidak seperti yang diheboh-hebohkan iaitu membuat banyak kesilapan, telah mendapat peruntukan sebanyak RM400 juta untuk memperhebatkan atau memperkembangkan lagi kedudukan MARA. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalannya kerana dapat memepertahankan kewibawaan MARA. Apa yang saya hendak sarankan di sini ialah supaya MARA berfungsi seperti biasa kerana di sinilah tempat kaum bumiputera dapat sumber pertolongan yang sewajarnya dan saya berharap MARA dapat mengundang dewan-dewan perniagaan Melayu dan juga persatuan-persatuan perniagaan dari masa kesemasa untuk mendapat bahan rintihan mereka. Daripada situ dapatlah MARA berdepan seluas-luasnya dengan usahawan-usahawan bawahan di peringkat kampung di seluruh rantau di negara ini.

Satu lagi, menyentuh Kementerian Perusahaan Utama – tentang pembalakan haram di negeri-negeri berkaitan seperti di negeri Kelantan, saya berharap pihak kementerian ini tidak akan bertolak ansur dalam hal ini dan hendaklah diambil tindakan segera sebelum balak di negeri itu habis dengan cara haram kerana pembalakan ini ialah satu sumber hasil kerajaan. Kalaulah perkara ini kerajaan negeri ada kaitannya dan tidak bekerjasama, kerajaan negeri juga perlu diambil tindakan kepadanya.

Seterusnya tentang penswastaaan lebuh raya ke Pantai Timur. Saya berharap dapat dipercepatkan pelaksanaannya dan lebuh raya ini hendaklah merangkumi ke negeri Kelantan. Saya sebutkan ini kerana saya dengar lebuh raya ini akan dilaksanakan sehingga ke negeri Terengganu sahaja dan saya berharap ia tidaklah sedemikian. Juga dengan lain-lain projek yang patut dibekalkan melalui Rancangan Malaysia Ketujuh untuk negeri Kelantan, di harap dapat disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan supaya dapat diselaraskan mengikut kehendak-kehendak kerajaan pusat.

Apa yang saya sebutkan ini kerana kerajaan yang memerintah di Kelantan sekarang ini tidak lagi berfungsi dengan baik kerana kerajaan ini di bawah pakatan APU telah bergaduh atau bercanggah di antara Semangat 46 dan juga parti PAS. Setiap hari ada majlis-majlis syarahan daripada puak-puak mereka dan tentang pentadbiran, nampaknya telah ketinggalan dan kemajuan negeri itu akan terhakis. Hanya menunggu masa untuk kerajaan Barisan Nasional mengambil alih pemerintahannya. Dengan Rancangan Malaysia Ketujuh ini, dengan pentadbiran yang sempurna daripada kerajaan pusat dan juga wakil-wakil Barisan Nasional di peringkat negeri Kelantan, kerajaan PAS tidak dapat lagi mempertahankan kedudukannya dan dengan sendirinya rakyat negeri Kelantan akan memberi mandat kembali kepada Barisan Nasional di negeri itu.

Dengan kata-kata itu, saya sokong penuh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Ding Seling: Ya ng Berhormat Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop.

4.37 ptg.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut membahas

dan menyokong Usul Rancangan Malaysia Ketujuh bagi tempoh 1996 - 2000 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim di dalam Dewan yang mulia ini.

Kita sedia maklum bahawa Rancangan Malaysia Ketujuh ini adalah kesinambungan Dasar Pembangunan Nasional, Penerusan daripada Rancangan Malaysia Keenam untuk mencapai matlamat RRJP 2 iaitu Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke-2. Kita amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana Dasar Pembangunan Nasional yang dilaksanakan menerusi siri rancangan 5 tahun telah membuahkan hasil seperti yang dihasratkan di dalam RRJP. Kita telah menamatkan Rancangan Malaysia Keenam dengan pencapaian yang amat memberangsangkan. Dengan Pertumbuhan purata 8.7%, melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu 8.1%.

Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan ini bukan sahaja dapat menarik pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli ekonomi dunia berkunjung ke negara ini untuk berkawan rapat dengan kita, mempelajari tentang rancangan dan pelaksanaan pembangunan negara, bahkan telah menjadi satu catalyst, dengan izin, ataupun pemangkin untuk menarik pelaburan-pelaburan yang lebih besar dan berteknologi tinggi dalam suasana yang lebih rancak lagi.

Saya penuh yakin dengan pertumbuhan hari ini, di bawah naungan politik yang terus stabil hasrat kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju akan tercapai bahkan sebelum menjelang fajar tahun 2020. Terima kasih dan tahniah, syabas kepada Kerajaan Perikatan sekarang ini Barisan Nasional yang telah menerajui negara sejak kita mencapai kemerdekaan hingga ke hari ini.

Tahniah dan syabas juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi serta ahli-ahli kabinetnya kerana di bawah kepimpinannya, negara Malaysia terus stabil, makmur dan mencapai kemajuan yang mengagumkan. Negara terus aman kerana kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri menerajui negara terutama sekali dalam menangani masalah-masalah dan isu-isu semasa walaupun isu-isu ini kadangkala kritikal dan amat mencemaskan dan jika tidak ditangani dengan saksama akan mencetuskan kacau-bilau dan porak peranda, lebih-lebih lagi bagi negara yang terdiri daripada pelbagai keturunan, kaum dan agama. Penyelesaian seperti ini sudah pasti mendapat sanjungan dari mereka yang cintakan kedamaian.

Sesungguhnya kita amat bersyukur dianugerahkan Allah seorang Perdana Menteri yang berwawasan, berpandangan jauh, tabah, ikhlas dan gigih bekerja untuk rakyat. Beliau bergerak ke seluruh pelusuk dunia untuk menyampaikan hasrat rakyat yang inginkan kemajuan dan kemakmuran. Kita dapat merasakan kepenatannya tetapi beliau tetap cergas dan bertenaga dan tetap mampu mengeluarkan idea-idea baru, idea-idea bernas untuk rakyat Malaysia dan insan sejangat.

Saya percaya kita masih ingat, selepas sahaja membentangkan RMK-7 di Dewan Rakyat, beliau telah bergegas ke Jepun untuk merealisasikan dimensi baru pembangunan negara, hasrat dan matlamat yang terkandung dalam RMK-7 ini termasuklah mempelawa pengusaha-pengusaha dan pelabur-pelabur besar di Jepun menempatkan industri multimedia mereka di negara ini dan sekali gus menyumbang untuk menjadikan Putrajaya sebagai koridor raya multimedia yang terunggul di rantau ini.

Selepas Jepun, beliau terus ke Amerika Syarikat dan berjaya menyakinkan pengusaha-pengusaha negara berkenaan yang negara Malaysia juga berhasrat mewujudkan Lembah Silicon sepertimana di Amerika Syarikat. Beliau telah meminta pengusaha-pengusaha negara berkenaan memindahkan ibu pejabat dan industri mereka ke negara ini. Beberapa memorandum persefahaman telah ditandatangani semasa beliau berada di kedua-dua buah negara berkenaan.

Sehubungan dengan ini saya rasa amat kesal kerana masih ada pemimpin-pemimpin parti pembangkang khususnya PAS yang menyambung Ulang tahun ke-50

UMNO dengan menuduh pemimpin-pemimpin UMNO sebagai pengkhianat bangsa, sepatutnya tuduhan itu ditudingkan ke arah pemimpin-pemimpin PAS itu sendiri. Apatah lagi dengan melihat penyalahgunaan kuasa, penyelewengan di negeri Kelantan oleh pemimpin-pemimpin PAS menyebabkan negeri yang satu masa dahulu maju dan makmur menjadi sebuah negeri yang kucar-kacir dan tidak terurus.

Kita amat bersyukur dalam kita menyambut Maal Hijrah 1417, Allah telah melancarkan cahaya kebenaran untuk menjadi pengajaran dan iktibar kepada seluruh umat Islam di negara ini yang mana selama ini pemimpin PAS termasuk Nik Aziz telah menuduh bahawa pemimpin UMNO termasuklah Perdana Menteri kita yang menjadi penghalang pelaksanaan hukum Hudud PAS yang ternyata tidak benar dan semata-mata bermotifkan politik kerana kerakusan orang-orang PAS untuk berkuasa di negara Kelantan.

Sepertimana yang kita sedia maklum, baru-baru ini Sultan Kelantan telah menyatakan kekesalannya terhadap Kerajaan PAS pimpinan Nik Aziz kerana tidak bersungguh-sungguh melaksanakan hukum berkenaan. Nik Aziz pula menyalahkan pihak istana kerana draf hukum Hudud PAS yang dipersembahkan kepada Baginda sehingga kita tidak dikembalikan kepada beliau. Siapa yang benar dalam hal ini, Allah sahaja yang mengetahuinya. Tetapi yang nyata, pemimpin PAS telah berbohong kepada rakyat apabila menuduh UMNOlah yang menjadi penghalang pelaksanaan hukum Hudud PAS itu.

Namun demikian, pengikut-pengikut PAS yang taksub terhadap pemimpin tetap membuta tuli menyokong pemimpin-pemimpin mereka yang pembohong, walaupun berkali-kali mereka menyuarakan bahawa taksub terhadap pemimpin itu adalah sesuatu yang amat dilarang oleh Allah.

Sesungguhnya, ini tidak bermakna kita menyokong hukum Hudud PAS itu. Kita tetap tidak menyokong hukum Hudud PAS kerana ia bukannya hukum Hudud mengikut kehendak Islam, tetapi mengikut selera PAS.

Di sini saya ingin mengingatkan kerajaan agar lebih berhati-hati dalam menangani masalah-masalah yang berbangkit di negeri itu sekarang, kita jangan mudah terpedaya dengan tindak-tanduk pemimpin-pemimpin PAS, kita tidak mahu seperti kata pepatah Melayu, 'melepaskan anjing tersepit' berulang kali di Kelantan. Kelantan adalah sebuah negeri mundur semasa di bawah pemerintahan PAS dahulu. Kita telah mempelawa mereka menyertai Barisan Nasional untuk membolehkan kita membangunkan negeri itu, infrastruktur dan semua kemudahan asas untuk sebuah kerajaan telah kita adakan.

Kelantan telah membangun dengan pesat dan rakyat telah mula mengecap kemakmuran. Perhatikan kekayaan yang telah melimpah-ruah masuk ke negeri itu, PAS telah mula bernafsu untuk menguasai negeri itu. Mereka meninggalkan kita, mereka mendapat kesempatan memerintah apabila S.46 sanggup bekerjasama dengan mereka. Mereka mula merasa sombong dan angkuh, mereka memberhentikan ramai kakitangan Kerajaan Pusat yang berkemahiran dengan menempatkan orang-orang mereka yang jahil tentang pentadbiran. Kemakmuran telah mula meninggalkan negeri itu. Fikiran mereka mula berkecamuk, mereka merampas hak-hak kerajaan pusat yang berada di negeri Kelantan kerana mereka telah mabuk kuasa.

Pada hari ini kawan sendiri iaitu S.46 yang telah membantu mereka membentuk kerajaan di negeri itu disingkirkan. Peristiwa melepaskan anjing tersepit berulang kembali. Kita tidak boleh mempercayai pemimpin PAS yang tidak beramanah seperti ini. Berbeza dengan sikap kita yang tetap berpegang kepada janji. Contohnya, seperti apa yang berlaku di Sabah dalam hal pergiliran Ketua Menteri. Walau bagaimana kuat sekalipun taufan yang melanda, kita tetap menunaikan janji. Kepimpinan yang beramanah seperti inilah kita harapkan.

Namun demikian, saya berharap hasrat kita untuk membantu rakyat Kelantan hendaklah diteruskan, rakyat Kelantan telah tertipu dan teraniaya, lebih-lebih lagi

masalah bekalan air yang telah mula meruncing sekarang, campur tangan kerajaan pusat amatlah diperlukan. Apa yang patut kita ingat kita perlu lebih berhati dalam menghulurkan bantuan, gunakanlah agensi-agensi Kerajaan Pusat yang ada di negeri Kelantan. Perkukuhkan agensi-agensi Kerajaan Pusat yang ada di negeri itu, hindarkan bantuan kewangan secara terus kerana telah ternyata adanya tanda-tanda penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan kerajaan negeri dalam hal perbelanjaan sumber kewangan yang diperuntukkan oleh kerajaan pusat. Sekiranya, Kerajaan PAS benar-benar jujur untuk mengurangkan penderitaan rakyat, ia tidak akan menghalang usaha kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada Rancangan Malaysia Ketujuh yang sedang kita bahaskan. Kita bersyukur bahawa ianya menuju ke arah dimensi baru perancangan pembangunan negara berasaskan ekonomi yang kukuh yang telah kita capai dalam Rancangan Malaysia Keenam dan kita lebih bersedia untuk melangkah ke era globalisasi bersaing dengan negara lain di dunia ini.

Reformasi ekonomi yang akan kita laksanakan, iaitu dengan beralih dari pertumbuhan ekonomi input pelaburan kepada pertumbuhan ekonomi dorongan produktiviti sudah pasti akan dapat mewujudkan daya asing yang lebih berkesan di peringkat antarabangsa. Untuk mencapai matlamat ini, kerajaan telah merancang menyediakan asas sumber manusia yang kukuh di samping memajukan lagi infrastruktur teknologi maklumat bagi meneruskan momentum pertumbuhan ekonomi dapat terus dipertahankan, perhatian khas akan diberi terhadap pembangunan sosial rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM162.5 bilion untuk Rancangan Malaysia Ketujuh bagi jangka waktu 1996 hingga 2000 bagi membolehkan kita memasuki era dimensi baru pembangunan negara. Peruntukan yang disediakan ini diharap dapat mencapai sasaran matlamat pertumbuhan 8% setahun dengan pendapatan per kapita sebanyak RM14,788 bagi jumlah penduduk yang akan meningkat ke angka 23.26 juta pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah mencapai kejayaan dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Keenam seperti yang telah saya perkatakan awal-awal tadi, ini bermakna tidak terdapat kelemahan-kelemahan di dalam pengurusan masa yang lampau. Sebagai manusia yang diberi amanah kita tidak dapat lari dari kelemahan dan kesilapan. Hendaknya ia menjadi pengajaran agar kelemahan dan kesilapan masa lampau itu tidak berulang kembali terutama sekali dalam kita menghadapi zaman dimensi baru pembangunan yang lebih mencabar ini. Kalau kelemahan dan kesilapan masa lampau itu dibenarkan berulang kita akan menerima padah yang amat parah. Saya nyatakan ini kerana dalam berpesta meraikan kejayaan kita, masih ada lagi rungutan dan jeritan kekecewaan rakyat di negara ini terutama sekali dalam hal-hal kemudahan infrastruktur di kampung-kampung, jalan solok, parit, longkang, lampu awam, pembinaan surau dan pembaikan masjid, masalah perumahan, rakyat termiskin, menyediakan rumah kos rendah, masalah setinggan sering kita dengar dan masih lagi bermain-main di hadapan mata kita.

Harga barangan perlu terlalu tinggi. Harga ayam, ikan, beras, tepung dan sebagainya. Masalah dadah, lepak masih berleluasa. Masalah kepincangan rumah tangga yang membawa kepada kes-kes penderaan, buang bayi timbul di sana sini, anak, isteri kadangkala suami juga lari dari rumah dan di sana sini kita mendengar tentang disiplin pelajar. Hukuman rotan, dera masih lagi diperkatakan. Masalah orang Melayu yang terus terpinggir oleh kelajuan arus pembangunan negara masih lagi kedengaran. Peluang perniagaan termasuk kemudahan dan bantuan untuk mendapatkan tapak ruang perniagaan bagi kaum bumiputera dan kemudahan kredit bagi kaum bumiputera masih lagi menjadi rungutan. Semua yang saya sebut di atas tadi terus kedengaran di telinga kita dan masih lagi terpampang di hadapan mata kita walaupun kita telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang amat membanggakan di akhir Rancangan Malaysia Keenam.

Apa yang saya harapkan agar reformasi pembangunan yang akan kita laksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini tidak mengalpakan tanggungjawab kita terhadap penghapusan penderitaan rakyat di luar bandar terutama sekali di kampung-kampung terpencil yang menjadi asas pengwujudan kerajaan dan tulang belakang kekuatan negara pada hari ini. Kita tidak mahu mendengar di kala warga kota Putrajaya makan minum, pakai, bergerak sana sini dan berurus niaga dengan hanya menekan satu dua butang sahaja, warga desa di Baling, Kedah dihimpit kemiskinan, masih lagi berjalan membuka kasut, menyinsing kain kerana jalan teralau lecak ataupun belum berturap. Kita tidak mahu mendengar ada warga desa mati dipatuk ular tedung atau ditelan oleh ular sawa kerana kampung mereka masih gelap gelita lagi.

Khabarnya peruntukan kerajaan untuk semuanya ini adalah banyak tetapi pengabaian tanggungjawab dan karenah birokrasi yang keterlaluan dan peruntukan tidak dimanfaatkan kepada rakyat. Peruntukan datang lewat, pegawai bercuti, tidak cukup kakitangan, tidak cukup masa untuk menyediakan kertas kerja projek, tidak cukup masa untuk mengeluarkan tender adalah penghalang pelaksanaan projek-projek kecil di luar bandar. Saya masih ingat sepuluh tahun lepas, di Melaka ada seorang Pegawai Kemajuan Negeri, Encik Mohd Dahan namanya, agak saya sekarang dia bekerja di Jabatan Perdana Menteri. Beliau telah berjaya mengetepikan karenah birokrasi ini, dengan berani beliau telah membina jalan-jalan solok di kampung-kampung dan usaha beliau telah mencakupi projek yang sepatutnya dijalankan selama lima tahun tetapi malangnya usaha beliau itu juga mendapat tentangan daripada banyak pihak, walaupun ia mencapai kejayaan memenuhi hasrat kerajaan untuk membantu orang-orang kampung.

Oleh kerana kita akan memasuki dimensi baru pembangunan kita tidak mempunyai banyak masa untuk terus berlegar-legar dalam hal pembinaan dan penyelenggaraan jalan solok dan sebagainya. Saya mencadangkan agar Kerajaan Pusat melalui kerajaan negeri menubuhkan satu task force ataupun agensi khas untuk melaksanakan kerja-kerja ini. Ini mungkin akan dapat meringankan beban tugas di pejabat-pejabat daerah dan pejabat kemajuan negeri dan akan dapat mempercepatkan lagi pelaksanaan projek-projek kecil di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya membatalkan hasrat untuk membahaskan tentang bekalan makanan seperti ayam, tepung dan sebagainya sebagai penghormatan kepada Kabinet kerana dengan tegas telah menghadapi masalah bekalan makanan terutamanya tepung. Jadi, benda ini saya tinggalkan sahajalah.

Namun demikian, saya rasa lega Rancangan Malaysia Ketujuh telah menyediakan sebanyak RM7.5 bilion untuk sektor pertanian dan akan merombak semula dasar strategi dan program agar bersesuaian dengan perubahan suasana ekonomi pada hari ini khususnya ke arah meningkatkan produktiviti dan mewujudkan daya saing serta berdaya maju. Sektor pertanian akan memainkan peranan yang lebih besar daripada sektor swasta untuk memajukan pertanian negara ini. Walaupun dalam menjawan soalan Dewan, kementerian berkenaan pernah menyatakan banyak tugas, ini bukan kerja kita, ini bukan kerja pertanian, ini kerja swasta, tetapi saya bersyukur dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini segala-galanya telah diperjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang pendidikan pula, saya berasa amat bangga kerana Kementerian Pendidikan sedang merancang satu dasar pendidikan prasekolah khususnya untuk anak-anak di luar bandar. Kita sedia maklum bahawa tahap kecerdasan kanak-kanak lebih-lebih lagi hari ini adalah amat tinggi pada umur 4 ke 6 tahun. Sekiranya pada tahap umur ini mereka dapat diajar dan dididik dengan betul dan terancang, ia akan menjadi satu asas yang kukuh dan akan memudahkan mereka menerima ilmu yang diajar di peringkat sekolah rendah dan sudah pasti kurikulum sekolah-sekolah rendah dapat digubal semula sesuai dengan tahap pemikiran murid yang berupaya untuk menerima ilmu yang lebih tinggi lagi.

Sehubungan dengan ini, diharap pihak Kementerian Pendidikan dapat merancang dan menggubal kurikulum sekolah rendah agar penjurusan mengikut

bidang-bidang tertentu ataupun aliran dapat dilaksanakan pada peringkat sekolah rendah lagi atau sekurang-kurangnya pada Tahap Dua sekolah rendah supaya perkara-perkara perlu dan perkara-perkara mengikut kecenderungan murid itu sahaja yang diajar kepada murid berkenaan. Dengan cara ini sahajalah murid-murid tidak akan dipaksa menerima pelajaran-pelajaran yang mereka minati dan ini pasti dapat mengelakkan implikasi-implikasi negatif akibat dari kurikulum yang tidak terancang dengan betul. Tidak dapat dinafikan bahawa masalah ponteng, masalah disiplin, murid lemah dalam sesuatu mata pelajaran berkait rapat dengan kurangnya minat dan kebosanan murid terhadap mata pelajaran yang diajar.

Berhubung dengan persekolahan juga, kita amat menyanjung tinggi Kementerian Pendidikan kerana menunjukkan minat dan kesungguhan untuk sama mengikuti pelbagai kemudahan multimedia yang tersedia pada hari ini khususnya Jaringan Multimedia ataupun Internet. Kita sedia maklum, dalam dunia yang pesat membangun ini kita akan ketinggalan jauh dalam semua aspek pembangunan termasuk pembangunan ilmu sekiranya kemudahan untuk mendapatkan maklumat dengan menggunakan multimedia ini kita tinggalkan, bahkan menggunakan Jaringan Multimedia dalam negara maju dan negara yang sedang membangun adalah satu kemestian.

Namun demikian, kita perlu berhati-hati tentang melaksanakan hasrat kita itu. Sebelum kita memperkenalkan jaringan multimedia ini ke sekolah-sekolah, kita sedia maklum bahawa revolusi maklumat melalui Internet ini adalah satu sistem bebas di luar kawalan. Justeru itu, media ini dengan cepat dibanjiri maklumat terkini, tidak terkecuali juga ia dibanjiri dan dicemari dengan bahan-bahan sampah-sarap seperti dakyah politik, bahan-bahan lucah, pornography dan unsur-unsur negatif yang lain.

Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jerman, termasuk negara jiran kita, Singapura yang pada satu masa dahulu menyanjung tinggi sistem ini hari ini melahirkan kebimbangan yang amat sangat kerana berlakunya keruntuhan moral dan institusi sosial di negara berkenaan.

Persoalannya sekarang, adakah sekolah-sekolah telah benar-benar bersedia memasuki dunia maklumat yang terdedah luas dan tidak mempunyai batasan ini? Bersedia bukan hanya menyediakan peruntukan kewangan dan kemahiran teknologi sahaja, ia juga merangkumi kemampuan anak-anak kita menghadapi kejutan budaya dan kekebalan untuk menangkis dakyah-dakyah serta keupayaan mengasingkan diri dari bahan-bahan negatif dan pornography yang terdapat di jaringan berkenaan. Sekiranya pihak kementerian meneruskan rancangan untuk membekalkan Internet ke sekolah-sekolah, saya berharap faktor-faktor di atas perlu diambil kira. Di samping pengawalan ketat, penggunaannya di sekolah-sekolah ini termasuklah bilik khas dan guru khas yang akan mengawasi penggunaan multimedia itu sepanjang masa.

Kalau perkara ini tidak disediakan dan anak-anak dibiarkan bersendirian dengan media berkenaan, mereka akan menjadi mangsa dengan perkembangan teknologi itu sendiri. Oleh itu, anak-anak kita perlu dididik dengan nilai-nilai kerohanian dan moral yang tinggi dan ditanamkan di sanubari mereka rasa kebertanggungjawaban untuk diri sendiri, rakan sebaya dan masyarakat sebelum dibukakan jendela Internet yang luas dan mencabar itu untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi ingin menyentuh bidang pendidikan ini. Hari ini heboh di media-media tentang masalah disiplin murid di sekolah-sekolah dan perkara yang menjadi tajuk perbualan ialah hukuman rotan. Saya kurang faham di mana letaknya silap perkara ini. Setahu saya Kementerian Pendidikan ada mengeluarkan buku garis panduan tatacara disiplin sekolah untuk guru besar dan guru-guru.

Dengan izin, saya ingin tunjukkan buku ini [*Sambil menunjukkan sebuah buku hijau di tangan beliau*] telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1983 – "*Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru-*

guru". Saya ingin tahu dari Kementerian Pendidikan, adakah buku ini tidak digunakan lagi? Setahu saya, ia masih dikuatkuasakan.

Dalam ingatan saya, semasa buku ini dikeluarkan dahulu, semua pihak termasuk guru-guru, ibu bapa dan murid-murid telah ditaklimatkan tentang isi kandungannya. Saya pernah berwawancara dengan seorang pegawai pendidikan negeri tentang hal ini. Beliau beria-ia berkata, "Merotan adalah cara didikan Islam dan ia mesti dikuatkuasakan".

Saya mencelah, "Bukankah telah ada buku garis panduan tentang tatacara disiplin di sekolah? Buku ini telah mengupas semua aspek disiplin dan cara-cara menghadapinya termasuk jenis-jenis hukuman yang dibenarkan. Tidak ketinggalan, tentang kaedah merotan!". Nyata sekali beliau tidak perasan adanya buku ini ataupun penggunaan buku ini telah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membacakan beberapa petikan yang terdapat di sini. Halaman 15, misalnya, hukuman dera ataupun corporal punishment.

"Hukuman dera ataupun rotan boleh dikenakan, kecuali ke atas murid-murid perempuan, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin) Sekolah 1959."

Telah ada peraturan ini di dalam buku panduan yang begini luas memperkatakan tentang disiplin sekolah. Bahkan dalam halaman 127, saya merujuk. Ini adalah petikan daripada *Perakuan-perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Berkaitan dengan Disiplin Sekolah*. Bahagian 76(d) menyebut:-

"Hukum dera kepada murid-murid seperti merotan hendaklah dikekalkan. Guru Besar dan guru-guru lain yang tertentu diberi kuasa untuk merotan. Di samping itu, guru-guru tersebut hendaklah diberi garis panduan dalam menggunakan hukum dera dengan cara dan bila hukuman itu boleh dikenakan."

Lengkap dalam buku ini. Tetapi kita masih dengar Kementerian Pendidikan hendak mengadakan seminar lagi. Kenapa kita mesti membuang masa dalam perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh tentang media pula. Kita tahu bahawa media adalah penggerak zaman. Media adalah pembentuk budaya bangsa. Media berperanan sebagai penggerak dan pembangun masyarakat. Media juga adalah satu jentera untuk menjayakan RMK-7 yang sedang kita bahaskan sekarang ini. Peranan yang boleh dimainkan oleh media dalam negara ini termasuklah akhbar-akhbar, majalah-majalah, media elektronik seperti radio, TV dan Internet amatlah besar. Oleh itu rasa pertanggungjawaban media terhadap wawasan dan matlamat kerajaan perlu dikekalkan.

Pada hari ini, tidak dapat dinafikan peranan besa telah dilaksanakan oleh media untuk memaparkan aspirasi negara di halaman-halaman mereka. Dalam simpanan saya ada berpuluh-puluh fail tebal-tebal mengandungi keratan-keratan akhbar bersangkutan dengan pembangunan negara dalam semua aspek.

Kalau kita membaca akhbar-akhbar di luar negara, terutama sekali negara Barat, pemberitaannya amat berbeza sekali. Mereka tidak banyak menceritakan tentang pembangunan negara dan tentang pembangunan ummah, jauh sekali. Saya amat berharap agar pihak media akan terus memainkan peranan untuk pembangunan negara dengan mendedahkan di media masing-masing tentang program-program yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan.

Sedikit yang saya amat terkilan ialah harga akhbar pada hari ini. Saya membelanjakan lebih daripada RM100 sebulan untuk membeli akhbar. Agaknya itu yang paling rendah bagi seorang senator. Rakan-rakan kita yang berada di Sabah dan Sarawak mungkin lebih tinggi lagi. Saya boleh merayu kepada akhbar untuk memberi

bekalan percuma akhbar-akhbar mereka kepada senator-senator, tetapi itu bukan hasrat saya.

Yang saya fikirkan sekarang ialah penduduk-penduduk di luar bandar yang menjadi sasaran kita. Adakah mereka berpeluang memiliki ataupun membaca akhbar? Melanggan sebuah akhbar sahaja mereka terpaksa mengadakan RM30 sebulan. Mungkin inilah yang menjadi penghalang wawasan negara dan matlamat kerajaan tidak sampai ke pengetahuan mereka mengakibatkan mereka sering menyalahkan kerajaan, lebih-lebih lagi setelah dihasut oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, kalau beras, tepung dan ayam adalah bahan perlu untuk santapan jasmani, akhbar adalah sesuatu yang perlu untuk santapan rohani. Kelesuan rohani akan menjejaskan, walaupun tidak menghalang pertumbuhan jasmani.

Di sini, saya menyeru kepada pihak akhbar agar berusaha menurunkan harga akhbar. Usahakanlah bidang-bidang lain untuk menampung kos pengeluaran akhbar, terutama sekali bidang-bidang yang berkaitan dengan bahan-bahan cetak seperti kertas dan sebagainya. Atau gunakan jenis kertas yang berlainan untuk penduduk luar bandar. Pokoknya usaha perlu dibuat agar semua golongan masyarakat berpeluang membaca dan memiliki akhbar.

Masih lagi di pentas media. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah tertonton – tak sengaja saya buka televisyen, sebuah filem Hindustan yang ditayangkan oleh TV3. Rakan di sebelah saya ini bercerita tentang filem Tamil, saya cerita tentang filem Hindustan. Memang seronoklah kalau tengok filem Hindustan ini kerana dia suka, dia menari dan dia menyanyi. Dia susah pun dia menyanyi dan menari, jadi kita pun turut suka jugalah.

Tajuk filem berkenaan ialah ‘Nias Aur Namas’, entah apa maknanya pun saya tidak tahu. Tetapi cerita filem ini berkisar di sekelompok masyarakat Islam di India. Apa yang menjadi persoalan ialah walaupun filem ini bersandarkan kepada masyarakat Islam, budaya Kehinduan dan amalan-amalan syirik dilepaskan tayangannya. Sebagai contoh, apabila berdoa, heroinnya akan mengangkat tangan dan menghadapkan muka mereka ke gambar Kaabah dan Masjid Nabawi yang digantungkan di dinding. Amalan ini bukan sahaja salah, bahkan merosakkan imej Islam di kaca mata orang bukan Islam itu sendiri. Persoalan kenapa pihak Lembaga Penapis Filem tidak memotong babak ini atau mengkaburkan gambar Kaabah seperti yang selalu mereka lakukan supaya tidak menampakkan pelakon berkenaan meminta daripada gambar?

Saya juga telah tertonton sebuah filem yang diklasifikasikan sebagai 18SX agak sayalah. Biasanya untuk penonton-penonton 18 tahun ke atas yang mengandungi unsur-unsur seks tetapi tidak keterlaluan. Filem yang saya tonton ini adalah mengenai penderaan seks oleh pengawal-pengawal penjara terhadap banduan-banduan wanita di penjara berkenaan. Satu adegan yang amat memberahikan telah ditayangkan. Kalau setakat peluk cium itu biasalah. Kalau setakat kucupan lama sedikit pun biasalah kerana filem ini pun filem 18SX, kita boleh faham. Tetapi masalahnya kalau pelakon lelaki itu menggomol pelakon wanita itu daripada atas sampai ke bawah, ini telah keterlaluan sangat. Nasib baik saya menonton berseorangan, sudah malam. Kalau adalah anak perempuan saya ataupun anak lelaki saya di sebelah saya, saya tidak tahu mana hendak diletak muka. Bagaimanakah babak seperti ini dilepaskan untuk tayangan? Saya meragui, saya ulangi, saya meragui keupayaan pihak Lembaga Penapis Filem menjalankan tugasnya. Adakah mereka ini telah mendapat pendedahan psikologi, agama, moral yang secukupnya sebelum mereka menganggotai Lembaga Penapis Filem? Saya harap pihak Kementerian Penerangan mengambil berat tentang hal ini.

Dari pelbagai contoh yang dipaparkan di atas, saya berharap agar Kementerian Penerangan akan lebih berhati-hati dalam melepaskan sesuatu filem untuk tayangan umum lebih-lebih lagi di media TV yang dikawal oleh kerajaan. Kita bimbang media yang kita harap dapat memberi sumbangan positif terhadap

pembangunan ummah, ia akan menjadi penyumbang ke arah keruntuhan moral dan pemesongan akidah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga akan memberi tumpuan khas kepada pembangunan belia, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM2.7 bilion telah diperuntukkan bagi pembangunan belia dalam tempoh berkenaan dan 50% daripada peruntukan berkenaan akan digunakan untuk menambah kapasiti dalam latihan kemahiran. Peruntukan ini amat besar dibandingkan dengan peruntukan hanya sekadar RM370 juta di dalam Rancangan Malaysia Keenam. Ini agak saya lebih kurang tujuh kali ganda peruntukan untuk belia kali ini. Namun peruntukan RM2.7 bilion itu saya menganggap masih tidak mencukupi. Banyak perlu dilakukan untuk belia-belia di negara ini. Untuk memastikan belia di negara ini akan menjadi manusia yang berdisiplin, berkualiti dan produktif, program Rakan Muda akan memainkan peranan besar untuk mencapai matlamat di atas.

Apa yang saya ingin sarankan agar program ini dijalankan bermula di peringkat persekolahan menengah rendah lagi. Sehubungan dengan ini, saya amat gembiralah bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketujuh itu pun ada disebutkan bahawa Dasar Belia Negara akan dikaji semula untuk membolehkan belia kumpulan umur 15 tahun hingga ke 24 tahun menyertai program-program latihan yang akan diatur.

Di sini saya ingin menyarankan agar belia-belia berusia 15 tahun ini iaitu belia yang berada di Tingkatan Tiga di SMR diwajibkan mengikuti kursus-kursus bina insan dan ketatanegaraan selepas mereka mengambil Peperiksaan PMR pada bulan Oktober, kerana pada kebiasaannya mereka inilah yang terlibat dengan gejala ponteng sekolah, budaya lepak dan bohsia. Pihak sekolah memang ada mengatur program-program untuk mereka selepas mereka mengambil peperiksaan, tetapi ini tidak dapat mencapai matlamat yang diharapkan.

Saya menyarankan agar sijil kehadiran menyertai kursus tatanegara ini dalam jangka waktu yang ditetapkan menjadi prasyarat belia-belia kita melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian yang lebih tinggi, bahkan juga menjadi prasyarat untuk belia kita memasuki bidang-bidang pekerjaan sama ada di sektor kerajaan ataupun di sektor swasta. Hanya dengan cara inilah kita dapat memastikan belia-belia kita benar-benar menghayati falsafah pendidikan negara dan wawasan negara dalam abad ke-21 ini.

Untuk menuju ke matlamat ini, badan-badan belia dan badan-badan NGO yang lain juga perlu memainkan peranan. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan menyeru kerajaan agar mengawal selia badan-badan NGO yang berselerak di seluruh negara agar mereka benar-benar bergerak menuju ke matlamat wawasan negara. Perlembagaan pertubuhan-pertubuhan ini perlu disemak untuk memastikan Rukun Negara menjadi asas dan wawasan negara dijadikan nadi pertubuhan-pertubuhan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita janganlah memikirkan bahawa untuk mendapatkan sesuatu itu dengan percuma. Kerajaan perlu mengadakan peruntukan khas untuk pertubuhan-pertubuhan NGOs ini untuk membolehkan mereka bergerak ke arah matlamat yang telah kita gariskan. Sumbangan-sumbangan yang berbentuk insentif perlu diberikan kepada pertubuhan-pertubuhan ini terutama sekali pertubuhan-pertubuhan yang berinovatif dan berdaya maju. Sebagai contoh, Pergerakan Belia 4B Malaysia. Pergerakan itu bukan sahaja berjaya merancang bahkan telah melaksanakan projek-projek mereka dengan jayanya. Di bidang keilmuan, mereka telah menubuhkan Tadika Al Syabab dan telah merancang untuk menubuhkan institusi pengajian tinggi. Di bidang meningkatkan keyakinan diri, mereka telah melibatkan ahlinya dengan Seni Silat Sikubi. Untuk membentuk keyakinan diri yang lebih tinggi lagi, mereka telah menubuhkan kelab penerbangan di seluruh negara.

Mereka telah memasang kapal-kapal terbang 'microlight' dan mereka juga telah merancang untuk melibatkan diri di dalam industri aerospace. Mereka juga sedang melaksanakan urusan perhotelan di beberapa buah negeri.

Saya berharap agar Kementerian Belia dan Sukan memandang perkara ini sebagai sesuatu yang boleh diterapkan kepada persatuan-persatuan belia yang lain. Persatuan-persatuan belia yang berjaya menunjukkan kreadibiliti mereka patut diberi insentif bukan sahaja untuk membantu pergerakan belia berkenaan, bahkan untuk menjadi perangsang kepada pergerakan-pergerakan belia yang lain.

Begitu juga insentif yang lebih besar dan bantuan-bantuan perlu diberi kepada pertubuhan-pertubuhan NGOs yang saya sebutkan tadi, terutama sekali pernah disebut oleh rakan-rakan kita seperti Yayasan AIDS Malaysia (YAM) dan Majlis AIDS Malaysia (MAM) kerana kesungguhan badan berkenaan membantu mewujudkan rakyat Malaysia yang terhindar dari gejala AIDS yang sedang melanda n gara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengimbas kembali pencapaian kita di dalam RMK-6 dan seterusnya menyentuh tentang permasalahan yang mungkin akan kita hadapi dalam kita melaksanakan RMK-7, walaupun ekonomi negara kita pesat berkembang, walaupun pertumbuhan ekonomi melonjak 8.7% di akhir tahun 1995. Amat mendukacitakan, walaupun sahabat saya pernah memuji satu kejayaan, tetapi amat mendukacitakan, kaum bumiputera khususnya orang-orang Melayu masih jauh ketinggalan ke belakang khususnya dalam pemilikan ekuiti.

Kita telah dipaparkan di dalam buku tebal yang mempunyai 1,000 halaman ini, Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun lihat, saya hendak angkat pun terlalu berat. Kadar pertumbuhan purata bagi tahun 1991-1995, kadar pertumbuhan untuk:

<u>Kaum</u>	<u>Jumlah</u>
Bumiputera	12.1%
Cina	8.3%
India	20.6%
Lain-lain	35.0%

Ini adalah kadar pertumbuhan purata. Memandangkan kepada paparan ini sahaja, ia mengecewakan orang Melayu kerana kaum minoriti India mempunyai pertumbuhan jauh lebih tinggi iaitu 20.6% daripada orang Melayu iaitu sekadar 12.1% sahaja. Orang-orang India masih lagi menjerit mengatakan mereka ketinggalan. Kalau orang India boleh menjerit, saya rasa orang Melayu patut memekik kerana mereka lebih jauh ketinggalan dan hari ini pun telah disebut orang India berterima kasih kepada kerajaan. Ada orang yang berterima kasih kepada kerajaan kerana di atas kestabilan negaralah orang-orang India telah mencapai pertumbuhan yang begitu tinggi sekali. Yang saya sebut tadi ialah pertumbuhan purata, bagaimana pula pencapaian pemilikan ekuiti bagi jangka waktu yang sama?

<u>Kaum</u>	<u>Tahun</u>	
	1990	1995
Bumiputera	19.3%	20%

Lima tahun dapat 1.3% pemilikan ekuiti. Perbezaannya ialah secara relatif. Apa yang saya ceritakan ini ialah secara relatif.

<u>Kaum</u>	<u>Tahun</u>	
	1990	1995
Cina	45.5%	40.9%
India	1.0%	1.5%
Rakyat Asing	25.4%	27.7%

DEB menentukan sasaran 30% pemilikan ekuiti, tetapi pada hari ini pemilikan ekuiti untuk bumiputera secara relatifnya hanya 20.6%. Kalau kita susul ke belakang pada tahun 1990 pemilikan ekuiti sekadar 19.3%. Ini bermakna pencapaian pemilikan

selama 5 tahun adalah sekadar 1.3% dan jika dibahagikan dengan 5 tahun pencapaian ekuiti bumiputera hanya sekadar 0.26% lebih kurang $\frac{1}{4}\%$. Berdasarkan kepada perkiraan ini, kaum bumiputera hanya dapat mencapai sasaran ekuiti 30% - 36 tahun lagi, hanya pada tahun 2032 iaitu 32 tahun selepas Malaysia menjadi sebuah negara maju. Tidak hairanlah Presiden UMNO dan juga Perdana Menteri Malaysia dengan nada sedih melepaskan coretan rasa hatinya di malam puisi Utusan pada 4 Mei 1996. Di antara lain katanya:

*“Tugas kita masih belum selesai rupanya
Rupanya masih jauh dan berliku jalan kita
Kerana selain kemerdekaan
Mengisi kemerdekaan itu jauh lebih sengsara.”*

Persoalan sekarang kenapa pentas media menjadi pentas tempat beliau melepaskan rasa, ke manakah perginya rakan-rakan, ke mana perginya kawan-kawan. Apakah mereka tidak dapat memahami ungkapan puisi ini?

Bagi rakyat asing pula sasaran Dasar Ekonomi Baru pemilikan 30%, mereka telah mencapai ke tahap 27.7%, telah hampir ke matlamat. Kita sedia maklum bahawa dasar kerajaan meningkatkan ekuiti kaum bumiputera adalah hanya dengan cara membesarkan kek ekonomi (economy cake), bukan dengan merampas hak ataupun rezeki rakyat Malaysia yang lain, dengan sebab itulah kaum-kaum lain di negara ini terus maju dan terus makmur hasil dari usaha kerajaan membesarkan kek ekonomi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke luar negeri dan balik membawa kek yang lebih besar. Orang-orang Melayu berseminar membincangkan bagaimana cara hendak makan kek yang disediakan ini. Habis sahaja seminar mereka toleh ke belakang tengok kek pun sudah tidak ada lagi, orang lain sudah curi. Sedih Perdana Menteri pergi lagi keluar negeri bawa balik kek yang lebih besar, orang Melayu berseminar sekali lagi membincangkan bagaimana hendak makan kek yang lebih canggih ini. Lepas seminar masuk bilik jamuan tengok kek sudah habis orang makan. Begitulah berulang kali berlaku.

Saya ingin bertanyakan kementerian kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke manakah perginya saham-saham yang diuntukkan kepada orang Melayu? Dahulu setidak-tidaknya syarikat kecil bhd. milik bumiputera dapat 10 lot, kalau mereka jual separuh pun syarikat bumiputera juga yang untung dan dijadikan modal untuk bergerak...

Tuan N. Marimuthu: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu minta laluan.

Tuan Haji Kassim bin Mh. Yusop: Tidak lebih satu minit.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi, Yang Berhormat menyatakan ‘kek’. Saya tidak tahu kek yang mana itu, *[Ketawa]* tetapi kek itu kita pun tidak dapat cukup. Dia kata “kek itu dicuri, kek itu tidak ada lagi.” Jadi, saya minta penjelasan sedikit.

Tuan Ding Seling: Silakan.

Tuan Haji Kassim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, manusia ini tidak pernah cukup. Walaupun kita rasa sudah cukup, tetapi mereka tidak pernah rasa cukup. Itu sebabnya saya katakan tadi kalau kaum India boleh menjerit mengatakan ‘mereka tidak cukup’, orang Melayu terpaksa memekik dan melolong mengatakan ‘mereka leibh tidak cukup’, tetapi sebenarnya kek itu ‘dicuri’ oleh banyak pihak, bukan ditujukan kepada seseorang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung perbincangan saya tentang pengagihan saham kepada syarikat-syarikat berhad kecil. Saya katakan tadi, kalau mereka dapat 10, mereka separuh pun, syarikat bumiputera yang untung dan dijadikan modal untuk

bergerak, dan mereka masih simpan separuh lagi. Yang pernah kita dapat ialah 5 lot sahaja daripada MITI. Itu pun saham-saham yang tidak berdaya maju. Harganya RM1.29 seunit. Walau macam mana pun, kita berasa bangga, dan ramai kawan-kawan bila dapat sahaja borang saham itu tunjuk ke sana-sini – saya dapat borang saham. Tetapi malangnya sudah tiga ke empat tahun harga saham berkenaan bukan sahaja tidak naik, bahkan makin turun. Dividennya kadangkala tidak dikeluarkan. Malangnya, kenapakah kita menganiayakan syarikat-syarikat kecil Melayu ini.

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Haji Kasim, Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid minta laluan.

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bertanya, hendak minta penjelasan, bercakap fasal saham. Saham yang mana satu, yang tidak pernah naik, turun sungguh. Boleh beritahu?

Tuan Ding Seling: Silakan.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, terpaksa saya rahsiakan. Kalau hendak bertanya, betul-betul hendak tahu jumpalah saya nanti. Saya akan beritahulah.

Tuan Ding Seling: Sila.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Ya. Kenapa yang isinya diberi kepada syarikat besar, dan yang tulang-tulang diberi kepada syarikat kecil? Maka tercekiklah si kurus itu. Di sini saya ingin merayu agar kerajaan khususnya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga Kementerian Kewangan menyerahkan sahah-saham yang berpotensi yang masih lagi disimpan kepada syarikat-syarikat kecil bumiputera agar mereka dapat menjadikan modal untuk menggiatkan lagi aktiviti syarikat masing-masing. Janganlah sebab 'nila setitik rosak susu sebelanga.' Orang lain yang buat salah, orang lain pula yang menerima akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin perjelaskan di sini lagi ialah peningkatan ekuiti 2.3% untuk rakyat asing dari tahun 1990 ke 1995 memberi gambaran bahawa kek ekonomi yang disediakan oleh kerajaan telah dimakan ataupun dibaham oleh rakyat asing di negara ini. Ini menjawab soalan saudara kita tadi. Di sini saya amat berharap agar kerajaan terus berusaha memastikan kemasukan modal asing tidak meletakkan orang Melayu hanya sebagai buruh, operator, pegawai dan pengurus sahaja.

Tuan N. Marimuthu: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Haji Kassim, boleh beri laluan kepada Tuan N. Marimuthu?

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih. Sekarang saya sokong. Kek ekonomi itu bukan kita curi, tetapi orang asing curi. Orang asing ambil bahagian banyak. Saya sokong penuh. Terima kasih, silakan.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Terima kasih. Pastikan orang-orang Melayu diberi peluang menjadi rakan kongsi syarikat-syarikat itu. Saya begitu optimis apabila Akta Tanah dipinda nanti, di mana ia melibatkan banyak hak milik tanah orang-orang Melayu. Pemilik-pemilik tanah di luar bandar khususnya orang-orang Melayu akan menjadi pemegang saham syarikat-syarikat gergasi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin merayu kepada kaum-kaum lain di negara ini khususnya kaum-kaum yang maju seperti kaum Tionghua dan juga orang India pun maju juga saya tengok pada hari ini, supaya dengan jujur dan ikhlas bersama-sama membantu orang Melayu, berjalan seiring dalam mengecapi kemakmuran negara ini. Tidak dapat kita nafikan kestabilan politik dan kemakmuran

yang kita kecapai selama ini adalah bersandarkan kepada Dasar Ekonomi Baru yang telah dirangka dan dilaksanakan oleh kerajaan.

Saya menyeru kepada kerajaan dalam kita berusaha mengglobalisasikan semua aspek pembangunan di negara ini, pastikanlah juga siapa yang berada di barisan hadapan. Apakah mereka benar-benar berkeyakinan tentang falsafah DEB sendiri, dan berkeyakinan berkemampuan untuk melaksanakan wawasan negara ini? Bagi saya, kalau saya kurang yakin, saya dengan rela hari akan mengundurkan diri supaya saya tidak dituduh sebagai pengkhianat bangsa dan memikul bebanan dosa yang besar kerana gagal melaksanakan hasrat kerajaan dan hasrat rakyat, terutama sekalai rakyat miskin di luar bandar.

Penyusunan semula barisan hadapan adalah perlu kerana kita telah jauh ketinggalan oleh kepesatan ekonomi. Momentum kura-kura yang selama ini diamalkan tidak lagi sesuai. Kita perlu satu 'quantum leap.' Saya pun tidak dapat satu istilah yang tepat. Mungkin lonjakan ajaib untuk ditakdirkan sebagai bangsa maju di negara ini. Kita tidak mahu apa yang dirintihkan oleh Perdana Menteri di dalam puisinya menjadi kenyataan. Beliau pernah berkata dengan penuh perasaan terharu. "*Apakah ertinya kemerdekaan kerana sekalipun bangganya negara, kerana makmur dan mewahnya, bangsaku masih melata dan meminta-minta di negaranya sendiri?*" Pada saya, perkataan "meminta-minta" itu terlalu halus. Ia bermaksud apakah gunanya kemewahan kalau orang-orang Melayu masih lagi jadi pengemis di negaranya sendiri. Tambah beliau, "*perjalanan kita masih belum selesai, kerana hanya yang cekal dan tabah dapat membina mercu tanda bangsanya yang berjaya.*" Ketabahan dan kecekalan itu yang kita sebut berkeyakinan; kalau barisan hadapan tidak yakin, kita tidak akan dapat mencapai matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari pedas itu kadangkalanya sedap juga, pahit itu kadangkala penawar, sakit itu kadangkalanya menyeronokkan, dan yang manis itu tidak semestinya gula. Kadangkala ia adalah racun. Saya mohon maaf kalau ada kata-kata yang terkasar. Wabillahitaufik walhidayah. Saya dengan ini, turut menyokong RMK-7 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Ng See Tiong.

5.38 ptg.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana saya diberi peluang dalam perbincangan Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 28 Mei 1996 di Dewan yang mulia ini. Rancangan Malaysia Ketujuh telah pun menekankan bahawa rakyat akan menikmati kehidupan yang lebih selesa. Aspek kualiti hidup berasas kepada purata pendapatan per kapita yang dijangka meningkat pada RM14,788 menjelang tahun 2000. Saya penuh keyakinan bahawa matlamat melengkapkan rakyat dengan segala keperluan hidup dan sanggup dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa kemajuan dari segi ekonomi semata-mata tidak menjamin kualiti kehidupan dan matlamat sosial yang disarankan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang nampaknya terlalu ideal dan sukar dicapai. Jika kita mahu negara menjadi maju, kita perlu membayar kos sosial akibat kesan pembangunan. Ini menunjukkan bahawa pembangunan fizikal memang berkaitan dengan pembangunan manusia yang negatif dan pembangunan negara akan mempercepatkan keruntuhan moral masyarakat. Pengalaman di negara Barat memperjelaskan keadaan ini. Hidup masyarakat negara Barat sudah tidak ketentuan lagi dan mereka tidak menghargai nilai kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak kerajaan dapat mengambil langkah yang positif supaya kita tidak membiarkan arus pembangunan melanda tanpa pada masa yang sama memperteguhkan institusi sosial. Saya percaya bahawa dengan kerjasama daripada kerajaan dan rakyat jelata, Malaysia akan maju dari segi ekonominya dan pada masa yang sama bebas daripada sebarang masalah sosial, walau

bagaimanapun melihat kepada tempoh kemajuan 5 tahun yang akan datang, kita perlu mengenal pasti jangkaan berbagai kesan baru sosial akibat kesan pembangunan. Oleh sebab itu, undang-undang baru yang bersesuaian dengan keadaan semasa juga perlu difikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 90% rumah yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah. Oleh kerana permintaan rumah kos rendah dan sederhana rendah lebih tinggi berbanding dengan rumah kos tinggi, ini telah membuktikan bahawa kerajaan sangat memberi tumpuan menyeluruh serta seimbang. Walau bagaimanapun, bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja membeli rumah kos rendah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, diharap semua kerajaan negeri dapat mengawal ketat pengagihan rumah kos rendah dan sederhana rendah dengan mengadakan pendaftaran terbuka dan sistem berkomputer. Setiap pemohon, selepas ditemuduga, nama mereka yang berjaya juga perlu dipamer kepada orang ramai untuk sebarang bantahan. Cara-cara ini akan mewujudkan ketelusan dalam pengagihan rumah tersebut bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja membelinya, tetapi masalah yang timbul, keadaan ini akan mempercepatkan perkahwinan di antara pemuda dan pemudi untuk melayakkan mereka memohon rumah kos rendah dan sederhana rendah.

Tuan Yang di-Pertua, ada sesetengah syarikat pemaju perumahan yang sengaja melewati pembinaan rumah kos rendah. Sikap sedemikian tidak sepatutnya berlaku dalam usaha kerajaan menggalakkan lebih banyak pembinaan rumah kos rendah bagi menampung keperluan masa kini. Kerajaan mesti mengambil langkah untuk mengesan mereka dan tidak tegas patut dikenakan termasuk menyenaraihitamkan syarikat pemaju yang terbabit. Setiap kerajaan negeri juga hendaklah mengesan rekod pemaju perumahan yang tidak membina rumah kos rendah atau melambat-lambatkan pembinaannya dalam projek perumahan campuran.

Tuan Yang di-Pertua, RMK-7 boleh dikatakan amat komprehensif dan merangkumi semua aspek pembangunan dengan penekanan khususnya dalam usaha meningkatkan daya saing sektor industri. Dalam hal ini saya harap pihak kerajaan, terutamanya kerajaan negeri dapat mempercepatkan proses kelulusan tanah perindustrian kepada pelabur, terutama pelabur dari luar negara untuk mempercepatkan proses pembangunan negara. Tindakan ini sangat perlu kerana sesetengah kerajaan negeri mengambil masa terlalu lama untuk meluluskannya. Kita mesti faham bahawa kelewatan memproses kelulusan tanah untuk tujuan tersebut akan membantutkan pertumbuhan perindustrian di samping mengurangkan minat pelabur untuk menanam modal di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menambah bilangan pasukan bomba sukarela di seluruh negara, khususnya di kawasan berisiko tinggi berlakunya kebakaran. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, pihak kementerian berhasrat akan menubuhkan lebih daripada 500 pasukan bomba sukarela di seluruh negara di kawasan berisiko tinggi kebakaran, walaupun setakat ini negara kita ada 223 pasukan bomba sukarela. Ini talah menunjukkan bahawa bilangannya akan meningkat sekali ganda dalam RMK-7 terutama di dalam kawasan kampung tradisi dan taman perumahan. Untuk menggalakkan minat remaja menyertai pasukan bomba sukarela yang ketika ini banyak disetai oleh golongan dewasa, saya mencadangkan supaya pasukan bomba sukarela dimasukkan dalam Program Rakan Muda bagi meningkatkan kesedaran bahaya kebakaran di kalangan remaja. Jabatan Bomba harus mengadakan perbincangan dengan Kementerian Belia dan Sukan supaya kegiatan pasukan bomba sukarela dimasukkan dalam Program Rakan Muda secepat mungkin supaya pasukan bomba sukarela turut dianggotai oleh lebih ramai remaja yang sekali gus akan meningkatkan kesedaran mereka mengenai bahaya kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh negara kita akan menghadapi pertumbuhan yang begitu pesat dari semua segi terutama dari segi perumahan. Oleh sebab yang demikian, pada masa yang sama saya harap kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memberi tumpuan terhadap usaha menambah peralatan yang lebih moden di semua Jabatan Bomba dan juga meningkatkan tahap profesionalisme anggota pasukan bomba. Saya difahamkan setakat ini sesetengah balai bomba, terutama balai bomba di bandar-bandar kecil atau kawasan luar bandar masih menggunakan peralatan yang ketinggalan zaman. Sebagai misalan, jikalau ada kebakaran berlaku, kita dapat dengar bunyi siren kereta bomba dan loceng bomba yang memang 'terror' tetapi bila kita pandang kepada kenderaannya bergerak kita akan jadi dukacita kerana ia bergerak seperti kereta lembu. Bila sampai ke tempat kebakaran, habuk pun tidak ada. Oleh itu saya merayu kepada pihak kementerian mengambil tindakan yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Sukan Komanwel adalah berkait rapat dengan imej Malaysia. Kita mahu orang luar memberi komen positif terhadap kemampuan negara kita. Tanggungjawab awal kita ialah untuk memastikan semua persiapan berjalan rapi. Kita mengucapkan syabas kepada kontraktor yang sudah pun memulakan tugas, terutamanya kontraktor yang berbuat demikian dengan lebih awal daripada jadual. Namun, cepat tidak bermakna kerajaan boleh bertolak ansur dari segi mutu pembinaan. Bagi setiap kontraktor yang diberi tugas membina gelanggang berkenaan, tetapi masih belum berbuat apa-apa mulai sekarang, mereka seharusnya memberi perhatian penuh bagi memastikan projek itu dapat disiapkan pada waktu yang ditetapkan. Kita percaya tidak semua bahan binaan diperolehi di negara ini. Sebahagian daripadanya perlu diimport. Jika berlaku masalah penghantaran, ia akan hanya melewatkan segala kerja pembinaan. Masa berjalan begitu pantas. Apa yang kita harapkan pada awal tahun 1998 kelak, semua kemudahan sudah siap dan hanya menunggu masa untuk menyambut ketibaan tetamu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan Mersing sebagai sebuah bandar pelancongan yang terletak di Pantai Timur negeri Johor. Mersing boleh dikatakan sebagai pintu masuk ke pulau-pulau berhampiran terutamanya Pulau Tioman, sebuah pulau yang terpopuler di dunia yang menjadi pusat tarikan pelancong-pelancong yang datang dari Singapura dan bandar-bandar raya di Semenanjung Malaysia.

Pelancong-pelancong yang hendak pergi ke pulau-pulau mesti melalui Mersing mengikut Jalan Kota Tinggi atau Jalan Keluang. Saya ingin menarik perhatian Kementerian Kerja Raya bahawa keadaan kedua-dua jalan ini adalah dalam keadaan yang tidak memuaskan terutama jalan dari Keluang ke Mersing. Jalan ini memang sangat sempit, bengkok-bengkok, berlubang sini sana dan pelancong-pelancong yang mengikut jalan ini akan rasa sakit badan sepanjang jalan akhirnya menjadi sakit jiwa. Saya memohon jasa baik Kementerian Kerja Raya bertindak segera untuk memperbaiki dan meningkatkan taraf jalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya sudahkan perbahasan saya pada petang ini, saya ingin memberi sedikit komen yang konstruktif terhadap sikap media massa. Saya rasa dukacita kerana media massa tidak mengambil berat terhadap pandangan, cadangan, soalan dan perbahasan Ahli-ahli Dewan Negara. Sikap mereka bukan sahaja double standard, boleh dikatakan triple standard, saya memberi komen sedemikian kerana media massa hanya mengambil berat ucapan-ucapan, pandangan-pandangan dan jawapan-jawapan menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri, setiausaha-setiausaha parlimen pada masa persidangan Dewan Rakyat dijalankan serentak dengan Dewan Negara, maka mereka akan menumpu perhatian di Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan dikesepikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan pada petang ini dengan penuh harapan supaya media massa mengubah sikap mereka dan memberi perhatian yang seimbang kepada ucapan-ucapan, soalan-soalan, perbahasan daripada semua Ahli Dewan Negara di Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*.

Tujuan kita bukanlah hendak show off, hendak popular, tetapi 'be fair to us', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja, sekali lagi saya menyokong Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

5.52 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah memberi saya peluang untuk turut membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh yang kini membawa evolusi perancangan negara yang memberi penekanan kepada pembangunan sosial. Ini adalah satu persediaan utama dalam pembentukan Malaysia sebagai negara industri maju dalam acuannya yang tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyentuh tentang pembangunan dan kestabilan sosial dalam konteks pembangunan yang seimbang dari segi kerohanian dan fizikal, kita sebenarnya memperkatakan tentang melahirkan satu ketamadunan manusia. Ketamadunan manusia yang mengikut Malek bin Nabi dalam bukunya, dengan izin, 'The Problem Ideas in the Muslim World' adalah merupakan cambahan pemikiran dan idea-idea yang merupakan asas pembentukan perancangan yang membawa kepada perubahan fikiran dan paradigma kemajuan manusia. Ini bermakna juga penyusunan satu tamadun berciri Al-Hadana kerohanian dan Al-Madaniah yang bersifat pencapaian dari segi kebendaan.

Saya juga ingin memetik apa yang dikatakan oleh Arnold Toynbee dalam bukunya, 'A Studious History', dengan izin, bahawa tamadun merupakan satu kumpulan pemikiran dari pelbagai manifestasi orientasi yang berterusan, satu gaya kebudayaan yang bertanggungjawab membentuk institusi politik, kesusasteraan, agama dan moral.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana kini boleh dikatakan merupakan pengasas tamadun baru bagi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat dari sejarah betapa kepimpinan berperanan menentukan nasib dan arahnya. Dan betapa pula pentingnya juga rakyat memberi respon yang positif dan menyambut kepimpinan yang diberi. Dalam erti kata lain, Rancangan Malaysia Ketujuh merupakan rumusan idea-idea pemimpin dan proses merealisasikannya memerlukan penumpuan dan pengikut sama komited dan berusaha untuk melaksanakan rancangan itu.

Ini bermakna kita mahu kemantapan pembangunan sosial yang melibatkan penghayatan dan amalan yang lebih proaktif dan aktif di mana tanggungjawab pembangunan sosial bukan hanya diletakkan ke atas pemimpin dan kerajaan tetapi juga dipertanggungjawabkan oleh setiap pengikut dan warganegara iaitu perlu diwujudkan satu rasa tanggungjawab sosial kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Dan dalam masa yang sama menggalak dan menyemai benih-benih yang membuahkan sikap sukarelawan. Sikap sukarelawan iaitu melaksanakan kerja dan tugas atas sebab tanggungjawab yang lahir dari rasa suka berbudi dan tidak mengharapkan ganjaran dan ini adalah satu budi pekerti yang bukan sahaja digalakkan oleh Islam tetapi juga oleh agama-agama lain seperti Hinduism, juga kepercayaan seperti Confucianism, Christianity dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam RMK-7 mengikut para 1.8.3, kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa tinggi antara agensi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan program bagi meningkatkan lagi pembangunan sosial dan keluarga.

Ini adalah satu langkah yang bijak, yang mana boleh dilihat sebagai satu usaha kerajaan menyelaraskan usaha-usaha pembangunan sosial yang menyeluruh dan satu

usaha untuk melihat pembangunan sosial itu bukannya isu yang berasingan di mana dilihat wanita sebagai satu isu atau remaja sebagai satu isu, tetapi dilihat sebagai satu konsep modernity, dengan izin, dan ketamadunan yang tidak menghakis nilai murni dan agama tetapi ke arah tamadun sejagat di atas landasan budaya intelek yang literate, dengan izin, a literate intellectual culture.

Tuan Yang di-Pertua, projek Jayawaris yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada awal 1996 yang lalu, adalah merupakan satu pemangkin utama ke arah merealisasikan masyarakat penyayang negara dan seterusnya membawa kejayaan kepada negara dalam proses menjadi negara industri maju dalam bentuk ketamadunan dan modernity yang disebutkan tadi. Justeru itu, kerajaan perlulah membuat satu perancangan agenda pembangunan sosial secara jelas dan terperinci dengan menggariskan falsafah, idea-idea penunjuk, nilai-nilai dan prinsip-prinsip dasar yang jelas untuk memastikan bahawa agenda sosial ini dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam perbandingan kemajuan sektor-sektor ekonomi telah dapat dilihat dengan secara terperinci dengan data-data dan petunjuk-petunjuk angka dan peratusan. Tetapi kita telah tidak dapat memberi satu formula, status pembangunan sosial yang lengkap dengan sektor dan masalah dan peratusan pembangunannya.

Saya ingin mencadangkan pihak kerajaan merangka satu formula untuk dapat menilai prestasi pembangunan sosial dengan petunjuk-petunjuk untuk membolehkan peningkatan pembangunan sosial diukur dan kelemahan-kelemahannya ditangani dengan cara yang menyeluruh dan sistematik kerana kita tidak dapat lari dari hakikat bahawa masalah sosial adalah sangat kait-mengait dan adalah berasaskan institusi keluarga itu sendiri, terutamanya dalam kita menghadapi cabaran-cabaran ke arah perindustrian.

Memandangkan kerajaan telah mengiktiraf dan kajian telah banyak dibuat mengenai masalah-masalah yang berkaitan dengan keluarga dan sosial ini, saya ingin juga menyatakan di sini bahawa ada seorang pemikir iaitu seorang pensyarah dari Oxford University yang telah menulis dalam penulisannya yang bertajuk, dengan izin, "Islamic Resurgence in the 21st Century: Redefining All Agendas in New Age" telah menyatakan bahawa kita kadangkala lupa bahawa keutamaan yang penting dalam sesuatu masyarakat terutamanya dalam masyarakat yang menuju ke arah masyarakat maju dan apabila kita memerhatikan apa yang berlaku dalam masyarakat di Barat dan di negara-negara maju bahawa apa yang menjadi penyebab kepada masalah-masalah sosial dan kemerosotan moral dan nilai-nilai di negara-negara yang maju ialah kerana kelalaian kita terhadap institusi keluarga yang telah menyebabkan masalah sosial seperti salahguna dadah, kalau mengikut perangkaan bagi negara kita sebanyak 17,600 orang kadar perceraian yang tinggi, ibu bapa tunggal, kadar jenayah yang tinggi, kurang pencapaian dalam pelajaran, cara hidup sekular, AIDS antara lain dalam perangkaan kita sebanyak 8,723 dan penderaan dan juga kes lari rumah yang dapat kita catat sebagai 4,774.

Justeru itu dalam kita mencari penyelesaian masalah sosial dan sekaligus meningkatkan pembangunan sosial ini, saya ingin mencadangkan Program Jayawaris yang dikendalikan oleh Biro Tatanegara di Jabatan Perdana Menteri dijadikan satu jabatan tersendiri dan jabatan induk untuk mengimplimentasikan program-program kekeluargaan. Jabatan ini hendaklah mempunyai kuasa-kuasa untuk menyelaraskan program-program yang berkaitan dengan semua ahli keluarga sama ada kaum lelaki, perempuan dan remaja yang telah diletakkan di dalam kementerian-kementerian yang berasingan. Semua perkara yang bersangkutan dengan hal ehwal keluarga yang di bawah bidangkuasa kementerian hendaklah diselaraskan di bawah jabatan berkenaan supaya tidak berlakunya pertindihan tugas dan seterusnya memudahkan tugas yang lebih efisien dan mencapai matlamat.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa Program Jayawaris ini diatur agar ianya dapat mewujudkan program pendidikan keluarga, bukannya hanya melalui

seminar-seminar sepertimana yang telah dirancangan di dalam buku Program Jayawaris tetapi perlulah dibuat secara pendidikan melalui radio dan televisyen dan juga diadakan acara-acara di pejabat-pejabat di mana pekerja-pekerja boleh dijadikan contoh atas kemampuan menjaga keluarga yang baik, diwujudkan etika keluarga dan dijadikan juga bahan temuduga untuk mendapat kerja dan kita harapkan bahawa perkara-perkara atau program-program ini akan dapat digunakan sebagai cara-cara meningkatkan ciri-ciri kekeluargaan.

Tuan Yang di-Pertua, kurikulum di sekolah juga perlulah memasukkan perkara-perkara mengenai kekeluargaan dan juga masalah-masalah kekeluargaan perlulah diberi social sension, dengan izin, dengan kita memberikan stigma-stigma sosial yang kita harap akan dapat mengurangkan masalah-masalah sosial. Kita mungkin ingat bahawa social stigma ini adalah amaran masyarakat dahulu yang berjaya mengawal perilaku ahli-ahli masyarakat, mungkin ada eloknyanya jikalau kita dapat menghidupkan balik social stigma ini di dalam masyarakat kini agar dapat kita sama-sama bukan sahaja melalui undang-undang tetapi juga dengan peranan ahli masyarakat dapat mencegah dan mengurangkan masalah-masalah sosial. Stigma sosial tentang perceraian, penagihan dadah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tahu bahawa masalah sosial ini bukan sahaja setakat apa yang telah diperkatakan tetapi masalah sosial juga adalah mempunyai kaitan dengan jenayah dan juga rasuah. Kita juga tahu bahawa banyak kes jenayah komersil yang seringkali berlaku tetapi tidak dapat dibawa kepada keadilan kerana sebab-sebab yang tertentu dan kita juga tahu bahawa terdapatnya juga kes-kes rasuah yang juga kerap kali tidak dapat dibawa kepada pihak keadilan.

Dalam konteks ini saya ingin mencadangkan bahawa dalam kita menghadapi pelbagai perubahan ke arah kemajuan, tentu sekalilah kesalahan-kesalahan yang berbentuk jenayah-jenayah kolar putih dan jenayah-jenayah yang bersifat lebih kepada komersil akan bertambah dan adalah pentingnya bahawa undang-undang yang berkaitan sentiasa dikaji agar ianya sama berubah sepertimana juga perkembangan jenayah-jenayah yang akan dilakukan atau mungkin dilakukan.

Saya juga mencadangkan supaya pihak kehakiman yang kini juga tidak mempunyai reputasi yang begitu baik kerana banyak dipertikaikan tentang kredibiliti kehakiman itu sendiri perlulah juga dikaji semula dan pihak kehakiman juga perlulah berperanan yang lebih proaktif, yang lebih bersikap futuristik. Adalah dicadangkan pihak mahkamah membuat perancangan masa hadapan lebih disiplin dan berstruktur untuk menambahkan maklumat agar dapat menghadapi masalah-masalah dan isu-isu dan mengurangkan krisis dan perkara-perkara yang tidak diingini. Mungkin juga kita perlu melihat kepada cara hakim-hakim dilantik, cara-cara bagaimana hakim-hakim dinaikkan pangkat dan apakah ciri-ciri hakim yang sebaik mungkin. Perlu juga di sini kita melihat kepada etika hakim yang wujud, adakah ianya digunakan atau dilaksanakan untuk memastikan badan kehakiman adalah bahagian kehakiman yang bukan sahaja melaksanakan keadilan tetapi dilihat melaksanakan keadilan.

Seterusnya pihak kehakiman hendaklah membuat keutamaan kepada kes-kes yang dilihat akan memberi implikasi kepada kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti sosial dan pihak kehakiman juga perlu mengkaji dari segi penghukuman iaitu sama ada penghukuman yang dijatuhkan itu mempunyai, dengan izin, consistency atau tidak kerana kita dapat lihat bahawa menjatuhkan hukuman ini telah banyak menyebabkan pelbagai implikasi terutamanya dalam menjatuhkan hukuman bagi kesalahan yang mungkin sama tetapi hukumannya yang jauh berbeza.

Seperkara lagi dalam aspek kehakiman ini, kita juga perlu mengambil perhatian tentang keberkesanan penguatkuasaan undang-undang. Perkara ini telah banyak kali diperkatakan, banyak kali diperbahaskan kerana masih banyak lagi dirasakan kelemahan-kelemahan tentang keberkesanan penguatkuasaan undang-undang. Adalah wajar kerajaan mewujudkan satu badan yang bebas untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang agar penguatkuasaan itu akan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang mahkamah syariah yang juga merupakan satu aspek yang acapkali disebutkan tentang masalah-masalah tentang keputusan-keputusan yang diambil oleh mahkamah syariah di mana banyak terdapat kelewatan dan banyak juga rungutan prejudis-prejudis terhadap wanita, ketidaksamaan hukuman dijatuhkan yang diperuntukkan di negeri-negeri yang bercanggahan dan juga tentang tidak berkesannya penguatkuasaan undang-undang terutama pembayaran nafkah anak. Walau pun Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menafikan perkara-perkara ini tetapi hakikatnya perkara-perkara ini adalah satu perkara yang benar. Adalah disarankan bahawa pihak mahkamah syariah mengkaji semula tindakan-tindakan dan peraturan-peraturan yang wujud agar ianya dapat dilihat lebih proaktif dan efektif untuk memastikan mekanisme penguatkuasaannya adalah lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan dalam konteks mahkamah dan kehakiman ini dan dalam konteks kita melihat kepada banyaknya kes di mahkamah sivil dan banyaknya juga kes yang melibatkan kekeluargaan dan juga disiplin dalam keluarga yang mungkin disiplin yang perlu dikenakan itu ialah daripada kes-kes di sekolah-sekolah di mana anak-anak murid itu perlu diberi tindakan disiplin. Saya ingin mencadangkan kita mewujudkan satu mahkamah baru yang boleh dinamakan mahkamah sosial keluarga. Mahkamah keluarga pernah juga diutarakan sebagai satu alternatif kepada masalah-masalah keluarga yang dibawa kepada mahkamah-mahkamah sivil tetapi saya berpendapat bahawa memandangkan masalah-masalah keluarga itu juga berkaitan dengan masalah sosial yang maknanya ahli-ahli keluarga itu adalah juga terlibat dalam kesalahan-kesalahan sosial yang mungkin tidak semestinya dalam keluarga itu sendiri tetapi mungkin dilakukan di sekolah ataupun mungkin dilakukan dalam kawasan kejiranan tempat tinggal ahli-ahli keluarga, maka adalah menjadi wajar untuk kita mewujudkan satu mahkamah sosial keluarga yang mana mahkamah itu perlu mempunyai persekitaran dan peraturan-peraturan untuk membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan keluarga dan juga kes-kes disiplin ahli-ahli keluarga seperti kes-kes bohsia, ponteng sekolah, salahguna dadah, perceraian, aduan ibu bapa tidak menjaga anak dan sebagainya.

Mungkin dengan adanya mahkamah sosial keluarga ini, kita juga dapat memberi hukuman secara penguatkuasaan undang-undang tetapi tidak dengan secara begitu berat apabila ianya dibawa ke peringkat mahkamah jenayah dan sebagainya. Saya berpendapat bahawa mahkamah sosial keluarga ini merupakan satu konsep yang boleh menjadi satu avenue untuk menyelesaikan masalah sosial keluarga yang ada kini dan mungkin akan bertambah di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melihat kepada masalah keluarga dan sosial ini, saya juga ingin mencadangkan memandangkan bahawa kestabilan sosial dalam bentuk keluarga yang bertanggungjawab dan produktif itu adalah asas yang penting untuk melaksanakan polisi-polisi kerajaan, terutamanya dalam masalah sosial, saya mencadangkan kerajaan mengumpul statistik keluarga di negara ini di mana statistik keluarga ini adalah dijadikan sebagai satu data untuk dijadikan bahan rujukan, terutamanya untuk mengukur kemajuan dan juga prestasi sosial di negara ini.

Saya juga berpendapat bahawa dengan adanya data bank ini, kita akan dapat lebih mengawasi keadaan perkembangan sosial di negara dan dengan ini juga kita akan dapat memberi motivasi kepada keluarga dan seterusnya mengetahui masalah yang dihadapi oleh sesebuah keluarga itu.

Kita juga dapat lihat bahawa masalah jumlah drop-outs lepasan SRP, contohnya. Ini juga merupakan satu masalah keluarga dan masalah ini sebenarnya, kadang-kadang kanak-kanak lepasan SRP ini juga berminat untuk bekerja kerana banyak kerja kilang dan sebagainya tanpa menyedari bahawa bila dia bekerja, dia tidak mempunyai kelulusan yang tinggi dan menjadi pekerja yang kurang mahir.

Kadangkala juga, ibu bapa menggalakkan kanak-kanak untuk bekerja selepas SRP. Ini adalah satu trend yang begitu tidak sihat, terutamanya dalam kita cuba meningkatkan produktiviti pekerja.

Saya mencadangkan masalah ini yang merupakan satu masalah yang meruncing terutamanya di kalangan masyarakat bumiputera, satu kempen kesedaran, kecemerlangan dan kecekapan pelajaran dijalankan. Perkara ini mungkin tidak ramai yang menghayatinya tetapi daripada statistik yang telah dibuat, terutamanya apa yang telah dibuat di USM telah menunjukkan ramainya drop-outs ini hingga ramai yang merasakan bahawa ini adalah satu pembaziran sumber manusia dan akan membawa kepada kerugian kepada ekonomi negara.

Dalam perkara ini juga, saya ingin menyatakan.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia, ada permintaan untuk meminta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat, adakah drop-outs itu berlaku disebabkan pelajar-pelajar itu sendiri tidak berminat belajar atau kedudukan ekonomi keluarga mereka tidak mengizinkan mereka dan adakah anak-anak yang bekerja yang tidak cukup umur disebabkan keluarga mereka terlalu ramai kerana hendak membantu dan tolong menampung keluarga itu?

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab yang menjadikan budak-budak sekolah ini keluar adalah sepertimana yang dikatakan. Sebab-sebab yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu adalah antara sebab-sebabnya. Tetapi, apa yang menjadi isu di sini ialah di mana lepasan SRP ini yang bekerja kerana dia tidak mahu lagi bersekolah, tetapi hendak bekerja, bukan atas desakan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi seperti ramai adik-beradik, kerana itu dia kena bekerja.

Tetapi apa yang kita rundingkan ialah bila mana dia berkemampuan untuk terus belajar, tetapi dia memilih untuk bekerja dan ibu bapanya pula menggalakkan anak-anak ini untuk bekerja di kilang-kilang. Ini memang fakta yang betul yang saya dapati di Gerik, di mana saya telah menghadiri satu perjumpaan ibu bapa dan juga dengan pegawai pendidikan negeri. Dia juga telah melahirkan kerisauannya mengenai perkara ini.

Saya juga percaya semasa saya di Pulau Pinang berjumpa dengan Wanita di Pulau Pinang, mereka juga telah melahirkan rasa kerunsingan ini. Juga, seperti saya katakan tadi, ramai yang telah merasakan kerunsingan ini dan merupakan satu fakta yang penting. Kalau kita membaca dalam *The New Straits Times* bertarikh 1 Jun 1996, Tan Sri Raymond Navaratnam ada menyebtu tentang masalah drop-outs dan saya percaya ini satu perkara perlu dipandang serius oleh semua pihak, tidak kira sama ada Kementerian Pendidikan ataupun Kementerian Belia dan Sukan dan sebagainya.

Saya mencadangkan, salah satu cara untuk kita mengatasi masalah sosial ini ialah kita mengadakan hubungkait yang lebih tinggi antara ibu bapa dan guru-guru. Saya merasakan perlunya ada kesinambungan pendidikan di sekolah dan di rumah. Pentingnya wujud satu talian formal di antara sekolah dan ahli keluarga dan untuk maksud ini saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan untuk mewujudkan Majlis Kebangsaan Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang memberi garis panduan dan program-program yang terancang di seluruh negara.

Ini ialah untuk memastikan bahawa Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan guru-guru dapat bekerjasama dan apa yang dilakukan adalah perkara-perkara yang mengikut garis panduan dan juga apa yang telah saya difahamkan, dengan adanya persatuan yang formal ini jua maka kita akan dapat memastikan dari segi aktiviti dan juga sumber kewangannya juga dapat melaksanakan fungsi-fungsi dan juga program-program yang akan dilakukan. Ini adalah seperti saya katakan tadi, supaya kita terus dapat kerjasama yang lebih baik antara ibu bapa dan juga guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada saya ada masa.

Tuan Yang di-Pertua: Ada 11 minit lagi.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Ataupun hendak beri peluang kepada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi macam mana, ada sesiapa lagi yang hendak berucap?

Puan Kamilia binti Ibrahim: Ada yang hendak berucap?

Tuan Yang di-Pertua: Ada dalam 3 minit lagi.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Okay, boleh saya rumuskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, rumuskan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Sebab saya rasa kawan-kawan lain pun hendak berucap juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya sebutkan tadi sebenarnya, apa yang saya telah cuba bahaskan, walaupun masih ada beberapa fakta yang hendak saya kemukakan, tetapi saya ingin mengakhirinya dengan menyatakan di sini bahawa perbahasan saya adalah menjurus kepada pembangunan sosial yang berasaskan institusi keluarga sebagai fakta utama pembentukan siasah dan budaya hidup kita mengarah kepada negara membangun, acuan kita sendiri.

Sebab banyak telah diperkatakan tentang pembangunan acuan kita sendiri, tetapi kita masih belum lagi menyatakan dengan terperinci bagaimanakah acuan itu.

Jadi, dari analisa Rancangan Malaysia Ketujuh telah menunjukkan kita telah berjaya mengambil kira faktor-faktor bersifat kuantitatif dalam aspek ekonomi, komersil, fizikal dan material dalam rangka pelaksanaan agenda pembangunan kita. Walau bagaimanapun, seperti yang telah saya katakan terlebih awal, kita perlu melihat kepada aspek sosial dan audit sosial yang melibatkan semua faktor etika, moral, budaya, emosi, psikologi, alam persekitaran dan spritual untuk dimasukkan dalam perancangan agenda pembangunan secara lebih jelas dan terperinci.

Saya percaya dan yakin bahawa negara kita akan mencapai matlamat menjadi sebuah negara industri maju, mencapai kejayaan cemerlangan dalam dimensi ekonomi, komersial, fizikal dan material beserta kejayaan dalam dimensi etika, moral dan budaya tadi dalam acuan Malaysia berpaksikan lima prinsip sejagat yang dinyatakan dan disebut di dalam Al-Quran. Pertamanya, perpaduan manusia, keadilan, berbuat baik, penerimaan pelbagai agama dan kewajaran (righteousness).

Tuan Yang di-Pertua: Minta gulunglah.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong Rancangan Malaysia Ketujuh sepertimana yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

6.22 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed pada 6 Mei 1996, telah membentangkan usul Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan Rakyat untuk dibahaskan. Sementara itu Timbalan

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Mereka yang begitu rajin, begitu bekerja kuat untuk membangunkan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa riang dan gembira kerana usul yang dikemukakan adalah Rancangan Malaysia Ketujuh, bukan rancangan untuk berperang dengan komunis. *[Ketawa]* Rancangan ini adalah untuk memajukan dan memakmurkan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, buku dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam bahasa Malaysia adalah terpanjang.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat sebab dia kata Rancangan Malaysia Ketujuh ini bukan untuk berperang dengan komunis. Jadi, apa kaitan yang disebut perang dengan komunis.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah. Saya rasa dia boleh teruskan ucapan. Daripada ucapan itu kita boleh tahu apa yang dimaksudkannya.

Tuan Yim Chee Chong: Ini bermaksud negara kita aman dan damai. *[Ketawa]* Bertuahlah wahai warganegara Malaysia. Jadi, ini menunjukkan aman damai dalam pimpinan pemimpin kita. *[Ketawa]*

Buku yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam bahasa Malaysia adalah sebanyak 796 muka surat. 796 pages. Bukan sahaja dalam bahasa Malaysia, bahasa kita tetapi juga dalam bahasa Inggeris, Orang Putih pun faham juga apa dia Rancangan Malaysia Ketujuh. Panjangnya adalah sebanyak 744 muka surat. 744 pages dalam bahasa Orang Putih. Bahasa Malaysia dan bahasa Orang Putih campurkan sekali adalah sepanjang 1,540 pages, dengan izin. *[Ketawa]* Orang ambil lima tahun baru dapat habis bacanya. *[Ketawa]* Tetapi kita laksanakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada pertanyaan daripada ahli pentadbiran, berapa perkataan semua sekali? *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Banyak juga. *[Ketawa]* Perkataan banyak juga Tuan Yang di-Pertua. Oh, yang itu - Rancangan Malaysia Ketujuh berapa banyak perkataan? Ini belum kira. *[Ketawa]* Saya sudah kira pages dia sahaja. 1,540 pages. Ini usaha Perdana Menteri, usaha Timbalan Perdana Menteri dan usaha dari Unit Perancang Ekonomi dari Jabatan Perdana Menteri. *[Ketawa]*

Terjemahannya dalam bahasa Inggeris adalah antarabangsa punya standard. *[Ketawa]* Macam-macam orang ada dalam negara kita ini. Jurubahasa, translator, semua ini - bahasa Inggeris pun ada. Lagi pun saya berasa seronok dalam buku itu ada 'Dengan Ingatan Tulus Ikhlas'. Ada juga. Saya pun hendak ambil masa untuk baca tetapi panjang lebar, bukan senang hendak menghabiskannya. *[Ketawa]*

Jadi, ini usaha Kerajaan Barisan Nasional merancang untuk memajukan negara kita, merancang untuk memakmurkan negara kita Malaysia. Orang luar tidak kenal Malaysia. Dulu semasa saya menuntut di UK, pada tahun 1979 hingga tahun 1984. Tahun 1982 ada seorang Orang Putih tanya saya dari mana. Saya kata saya dari Malaysia. Mana? Where is Malaysia? I know Singapore. Malaysia dia tidak tahu. Tetapi hari ini kerana usaha Perdana Menteri kita melawat ke sana, melawat ke sini, di luar negeri, di dalam negeri, pada hari ini semua orang kenal Malaysia. Bukan sahaja kenal Malaysia tetapi tahu juga mana letaknya Malaysia di dalam peta dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Tahun 1979 sampai tahun 1984, belajar apa itu? Belajar apa di UK? 1979 sampai 1984, lima tahun. Belajar apa itu?

Tuan Yim Chee Chong: Lima tahun Tuan Yang di-Pertua, saya belajar undang-undang. *[Ketawa]* Orang DAP kata 'lawyer buruk'. *[Ketawa]* DAP cakap saya 'lawyer buruk', saya kata lawyer tidak buruk. *[Ketawa]* Ini lawyer yang jujur, yang berjuang untuk menegakkan keadilan masyarakat. *[Ketawa]*

Selain daripada itu, saya menuntut Ilmu Politik, Bachelor of Law dan Bachelor of Politics. [Ketawa] Tiga tahun 'full time', politik jadi lima tahunlah Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Lima tahun di UK tetapi saya banyak kali gagal dalam peperiksaan. [Ketawa] Tidak apalah saya beritahu. Mula-mula saya menuntut di London yang bernama Elaine College of Higher Education. Dua tahun saya gagal. Head of School hantar sepucuk surat minta saya change course. You are not suitable to be a lawyer. [Ketawa] Saya susah hati! Saya dari Malaysia, kerana mahu jadi lawyer, dia kata "You are not suitable. You change course!" [Ketawa] Ekonomikah, Bahasa Cina pun ada juga diajar di situ. You change course. [Ketawa] Saya memang susah hati.

Kemudian I went to the south of England iaitu Torsack Institute of Higher Education. Saya menuntut tiga tahun di situ. Tahun pertama gagal, refer, pass. Second year, pass. Third year, pass. Jadi, bila saya kembali dengan Bachelor of Law and Politics. [Ketawa] Saya merasa gembira. Bila menuntut di MU, Law Degree ini belum boleh jadi lawyer lagi. Kena masuk UM, Sijil Amalan Guaman (Certificate in Legal Practice - CLP). Peperiksaan pertama saya gagal. [Ketawa] Lima mata pelajaran, saya pass dua sahaja. Saya cukup-cukup susah hati. Saya kerja kuat, siang malam belajar tetapi dua mata pelajaran yang pass. Tiga yang fail. Saya pun loss of confidence Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, saya ingat macam inilah. Saya beri peluang between five to ten minutes esok.

Tuan Yim Chee Chong: Five to ten minutes sahaja?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, esok kita akan timbangkan esok. Tetapi boleh sambung esok.

Tuan Yim Chee Chong: Saya minta sekurang-kurangnya half an hour kalau boleh. [Ketawa] Saya ingin mengucapkan terima kasih. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.